

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KEDUA

Shah Alam, Rabu 08 Julai 2009

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)
YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

TIDAK HADIR

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh
Setiausaha

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Cik Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha II

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
BENTARA

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Cik Siti Salina bt. Muftar
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismilahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatuallahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PROKLAMASI

SETIAUSAHA DEWAN: PROKLAMASI OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA.

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, memperuntukkan bahawa DULI YANG MAHA MULIA SULTAN hendaklah dari semasa ke semasa melalui Proklamasi yang disiarkan dalam *Warta* memanggil Dewan Negeri :

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI AL-MARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, DARJAH KERABAT (SELANGOR), DARJAH UTAMA SERI MAHKOTA NEGARA (D.M.N.), DARJAH KERABAT (TERENGGANU), DARJAH KERABAT (KELANTAN), DARJAH KERABAT (PERAK), DARJAH KERABAT (PERLIS), DARJAH KERABAT (NEGERI SEMBILAN), DARJAH KERABAT (KEDAH), SERI PADUKA MAHKOTA SELANGOR (S.P.M.S.), DATO' SETIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (S.S.I.S.), SERI PADUKA MAHKOTA JOHOR (S.P.M.J.), DENGAN KURNIA ALLAH, SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN DAN DAERAH TAKLUKNYA, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA di bawah Perkara LXX Bahagian Kedua, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, DENGAN INI MEMANGGIL Dewan Negeri untuk bermesyuarat dan menetapkan 08 Julai 2009 hingga 10 Julai 2009 dan 13 Julai 2009 hingga 16 Julai 2009 atau sehingga selesainya semua urusan mesyuarat, dan pukul 10.00 pagi kecuali hari Jumaat pukul 9.30 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Yang Kedua Belas yang akan diadakan di Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam.

DIPERBUAT di Istana Alam Shah, Klang pada 12 hari bulan Jun 2009.

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selan

TUAN SPEAKER: Salam Sejahtera dan selamat datang kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli EXCO, Yang Berhormat Speaker, Timbalan Speaker Se Malaysia, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para pemerhati sekalian.

Bertemu kembali dalam Mesyuarat Kedua Dewan yang mulia ini bagi Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini adalah hari yang bersejarah kerana pada hari ini tanggal 8 hari bulan Julai 2009 genaplah usia 50 tahun Dewan Negeri ini, ditubuhkan sebagai Badan Perundangan yang tertinggi di negeri ini. Setengah abad dahulu pada tarikh yang sama, Sidang Dewan Selangor yang Pertama telah diadakan di Bangunan Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur. Pada ketika itu Kuala Lumpur masih merupakan ibu negeri, Negeri Selangor. Mengimbas kembali sejarah, Dewan ini telah menyaksikan pelbagai peristiwa dan perubahan yang mendewasakan Negeri Selangor ini. Perubahan yang paling nyata adalah pertukaran Kerajaan Negeri buat kali Pertama dalam sejarah Negeri Selangor pada 8 hari bulan Mac 2008, setahun sebelum Dewan ini menjangkau umur 50 tahun.

Pada hari ini apabila Ahli-ahli Yang Berhormat bersidang di Dewan yang mulia ini, rakyat Negeri Selangor sudah tentu amat berbangga dengan sejarah perkembangan Dewan ini, khususnya dalam tahun terakhir menjelang ulang tahun yang ke 50 ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah membawa perubahan besar kepada Dewan ini. Dewan ini telah menjadi Badan Perundangan dalam Malaysia yang pertama menyiarkan Sidang sepenuhnya secara langsung, mengadakan Pendengaran Awam Terbuka yang pertama dalam sejarah Badan Perundangan di Malaysia dan sedang dalam usaha menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas bagi memperkasakan Dewan ini sebagai Badan Penyamak.

Malah pada hari yang bersejarah ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian juga akan mencatatkan sejarah dengan menyertai sesi pertanyaan yang akan dilanjutkan masa buat kali pertama dari 60 minit kepada 90 minit, tahniah dan syabas. Maka saya juga berharap di bawah pimpinan pemimpin Dewan ini iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan terus mara ke hadapan untuk membawa perubahan yang lebih besar menjadikan Dewan yang mulia ini, Dewan yang disegani dan diteladani setaraf dengan institusi Perundangan yang lain dalam dunia ini. Dunia sedang memerhati kita melalui siaran web khas secara langsung.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran buat kali pertama Yang Berhormat Kota Alam Shah selepas tahanan daripada ISA. Saya berharap Ahli Yang Berhormat Kota Alam Shah akan menjalankan tugasnya dengan baik seperti yang diamanahkan oleh pengundi di kawasan Kota Alam Shah dan juga oleh rakyat di Negeri Selangor ini.

Dengan kata-kata itu sekarang saya mempersilakan Setiausaha Dewan untuk meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pagi ini.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

III. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT:

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 13 Tahun 2009
 - Penyata Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Tahun 2006
- ii) Kertas Mesyuarat Bilangan 14 Tahun 2009
 - Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor 2008
- iii) Kertas Mesyuarat Bilangan 15 Tahun 2009
 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2009
- iv) Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2009
 - Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tambahan Pertama, 2009 Bagi Kerajaan Negeri Selangor
- v) Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2009
 - Laporan Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Negeri Selangor
- vi) Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2009
 - Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT)
- vii) Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2009
 - Penyata oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa saya telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menurut Peraturan (13) (1) Peraturan Tetap Dewan bahawa Aturan Urusan Mesyuarat hari ini perlu diubah iaitu penerangan Menteri Besar hendaklah didahulukan sebelum pertanyaan-pertanyaan bagi membolehkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menyampaikan perutusan khas sempena sambutan ulang tahun ke 50 Dewan Negeri. Maka dengan ini saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, untuk menyampaikan penerangan Menteri Besar. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Ijok.

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh,* dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor. Tuan Speaker, saya juga ingin mencatatkan kehadiran tetamu-tetamu khas pada hari yang bersejarah ini. Yang Berhormat, di dalam Dewan yang mulia ini, pada hari ini kita turut disertai oleh Speaker dari Kelantan, Tuan Haji Mohamad Nasaruddin bin Haji Daud, dari Kedah, Speaker, Tuan Dr. Abdul Isa bin Ismail, dari Pulau Pinang, Yang Berhormat Tuan Abdul Halim bin Hussin, dari Pahang, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Wan Mohamad Razali bin Wan Mat Hussin, dari Sabah, Tuan Johnny Musito. Kita terima kasih kepada tetamu-tematu terhormat kerana hadir dalam majlis yang bersejarah ini.

Yang Berbahagia Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Daerah, Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin Paduka, Datin-Datin sekalian. Yang dihormati wakil-wakil Media Massa, tuan-tuan dan puan-puan.

Pertama, kita mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana dengan izin dan inayat-Nya jua kita dapat berkumpul di dalam Dewan yang mulia ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir,

Sebelum meneruskan ucapan saya, saya perlu mengumumkan suatu perkara, iaitu dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor pada Mei tahun 1959 dan Peraturan Tetap, istilah Dewan disebut "Dewan Negeri Selangor", BUKAN "Dewan Undangan Negeri Selangor". Penggunaan perkataan "Undangan" itu sebenarnya suatu kesalahan umum (*common error*) yang sudah menjadi kelaziman dan kebiasaan sehingga hari ini. Oleh itu, mulai saat ini kita betulkan kesalahan tersebut dan kembali menggunakan istilah asal, iaitu DEWAN NEGERI SELANGOR dalam semua urusan rasmi. Terima kasih.

Saya berasa bangga kerana diberi penghormatan untuk memberikan kenyataan khas kepada Dewan Negeri Selangor sempena ulang tahun 50 tahun Dewan Negeri. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan Dewan Negeri masing-masing, sewajarnya bersyukur dan berasa bangga dapat berada di dalam Dewan yang mulia, di bumi Selangor Darul Ehsan, negeri yang terus membangun, sejahtera dan berkebakjian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini mengingatkan kita tentang kepercayaan rakyat yang memilih kita sebagai wakil rakyat di kawasan mereka. Hal itu sebenarnya menunjukkan betapa dalam pilihan raya, rakyatlah yang berkuasa untuk memilih kita menjadi wakil supaya dapat menyuarakan suara hati mereka, mengetengahkan kehendak mereka, dan malah mempertahankan hak dan milik mereka.

Namun, apabila kita sudah disahkan bergelar "Yang Berhormat", kita kadang-kadang mudah lupa terhadap falsafah dan dasar perjuangan parti serta maksud kedudukan kita sebagai wakil rakyat.

Lebih parah lagi, jika terdapat segelintir wakil rakyat, dalam kesibukan tugas-tugas harian, terlupa tentang falsafah dan pengertian terhadap tanggungjawab kita yang memikul amanah yang besar.

Ya, sesungguhnya, masalah dan isu datang satu demi satu. Dalam hal ini, tugas untuk menangani pelbagai permasalahan dan isu tersebut menuntut rasa pertanggungjawaban yang

tinggi, dan saya mengucapkan syabas kepada ahli-ahli yang berhormat semua kerana menjalankan tugas masing-masing dengan penuh komitmen dan dedikasi.

Saya juga mengharapkan supaya kita terus memperuntukkan masa dan ruang bagi melakukan penilaian terhadap tugas dan sumbangan kita dalam hal membela dan membantu rakyat ini, bukan sekadar terhibur hanya ketika mendengar momokan yang diuar-uarkan sekarang, “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan” sedangkan pada hakikatnya nasib rakyat tiada cukup terbela dan diutamakan.

Rakyat Malaysia sudah lama tahu bahawa Pakatan Rakyatlah yang memperjuangkan wujudnya satu bangsa Malaysia yang menerima layanan adil dan sama rata dalam semua bidang pada kempen Pilihan Raya Kedua belas. Alhamdulillah, majoriti rakyat Selangor khususnya, sekarang mula menikmati limpahan pembangunan yang kita agihkan secara adil dan saksama tanpa perbezaan kaum, agama ataupun fahaman politik.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Supaya kita dapat sama-sama menghargai kepentingan masa yang sangat berharga ini, izinkan saya untuk menyingkap kembali secebis sejarah negeri yang kita cintai ini. Saya percaya hanya setelah menelusuri peristiwa silam dengan penuh keinsafan barulah kita dapat menghargai masa kini dan bersedia untuk meletakkan harapan terhadap masa hadapan yang lebih gemilang.

Pada hakikatnya, Majlis Mesyuarat Negeri mempunyai sejarah yang panjang di negeri Selangor. Dalam pemerintahan Inggeris, Majlis ini dibenarkan melaksanakan pelbagai fungsinya tetapi agak terbatas, iaitu lebih berbentuk memberikan nasihat terhadap isu-isu berkaitan adat-adat istiadat Melayu dan agama Islam .

Pada tahun 1955, satu pilihan raya untuk memilih ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri diadakan di seluruh negeri Selangor iaitu di tiga daerah mengundi – Sabak Bernam , Kuala Lumpur Barat dan Kelang Utara. Selepas negara merayakan hari kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, negeri Selangor mendahului negeri-negeri lain apabila mengadakan pilihan raya pascamerdeka yang pertama pada 20 Mei 1959.

Sejurus selepas itu, dilantiklah Menteri Besar Selangor yang pertama pascamerdeka, disusuli pemilihan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Lima puluh tahun kemudian, iaitu pada 13 Mac tahun 2008, saya berbangga kerana menjadi hamba Allah yang ke-14 ditauliah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai Dato’ Menteri Besar Selangor.

Turut dilantik untuk membantu tugas Menteri Besar, sekumpulan 10 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang melaksanakan pelbagai portfolio Kerajaan Negeri, dan berpusat di bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SSAAS). Di samping mereka, tugas harian saya dibantu oleh Ahli-ahli Dewan Negeri dengan visi dan misi untuk meningkatkan kehidupan rakyat di negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Seterusnya, saya suka mengemukakan soalan ini: Apakah perkara asas yang menyebabkan kita terpilih sebagai wakil rakyat?

Jawapannya, mudah tetap amat besar ertinya: Demokrasi. Ya, Demokrasilah yang menjadi landasan dan impian unggul kita namun, pelaksanaannya lebih sukar, lebih kompleks dan lebih rumit.

Kata “demokrasi” berasal daripada kata dasar demokratia atau demos, yang bererti “orang” atau rakyat. Maka, daripada segi bahasa dan istilah, “demokrasi” bermaksud ‘pemerintahan rakyat’.

Plato, Ahli falsafah Yunani, menganggap demokrasi sebagai pilihan terbaik dalam pentadbiran, sementelahan prinsip pemerintahan yang diutamakan di sini memenuhi kehendak rakyat terbanyak.

Dalam sistem demokrasi, prinsip kesamarataan diagihkan kepada semua tanpa mengira darjat dan pangkat. Justeru, setiap individu yang dirangkumi oleh sistem tersebut berhak mendapat pengiktirafan yang sama, mendapat peluang yang sama dan berhak bersuara bagi memastikan rintihan mereka diberi perhatian. Sebaliknya, prinsip egalitarianisme pula bermaksud, amalan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesamarataan. Dengan yang demikian, sebuah kerajaan yang mengamalkan prinsip egalitarian berusaha memperlihatkan persamaan dalam bidang-bidang politik, ekonomi, sosial dan hak-hak awam kepada semua rakyat.

Perkataan egal yang bermaksud equal, atau sama rata asalnya daripada perkataan bahasa Perancis, yang kemudian dijadikan asas bermulanya konsep demokrasi moden, yang dimantapkan oleh beberapa negara lain hingga membentuk konsep dan pengertian demokrasi yang sofistikated tetapi tetap berakar umbi kepada konsep “kesamarataan” dalam setiap individu yang membentuk masyarakat dan penduduk sesebuah negara, termasuk negara Malaysia.

Namun, ingin saya tegaskan di sini bahawa konsep “kesamarataan itu, dalam konteks keadilan menurut Islam, bukanlah kesamarataan yang melulu, bahkan tetap mempertimbangkan kelebihan, keupayaan dan sumbangan individu-individu menurut tahap masing-masing.

Suatu ketika dahulu, negara-negara Asia pernah menganggap demokrasi merupakan ciptaan Barat. Bagaimanapun, pada hakikatnya, konsep ini tidak asing kepada tamadun Islam. Demokrasi Islam bergantung pada asas akidah, syariat dan akhlak. Demokrasi Barat pula mengalami perubahan daripada segi prinsip dan konsepnya kerana sifat sekularnya yang bergantung pada akal manusia semata-mata. Sesungguhnya, pelbagai perbahasan pernah diadakan untuk mencantumkan Islam dengan demokrasi. Pada hakikatnya, kalangan sarjana Islam, misalnya al-Farabi dan Muhammad Iqbal mempertahankan bahawa pemerintahan khalifah awal Islam sebenarnya serasi dengan konsep yang tersurat dalam demokrasi, tetapi masih tetap dalam kerangka luns rabbani atau asas ketuhanan.

Tanggapan Iqbal sangat bertepatan dengan konsep pembentukan Ahli-ahli Dewan Negeri sebagaimana yang kita lihat di Selangor dan di semua negeri di Malaysia sekarang, lantaran ia merupakan jelmaan daripada amalan sebenar pemerintahan Islam. Huraianya adalah sebagai berikut: undang-undang ditentukan oleh ijmak atau kesepakatan (*consensus*) ummah atau orang banyak (*community*), iaitu perkara yang kita lakukan hari ini.

Kita yakin, generasi kepemimpinan masa hadapan mampu meneruskan usaha menghimpunkan seluruh keindahan sistem ini. Kerana, menurut al-Ustaz Hasan al-Banna, radiallahuanhu, Islam selayaknya menjadi sistem global yang mempunyai penyelesaian yang betul, jelas dan menyenangkan bagi semua masalah kemanusiaan.

Pemikir tersohor global, Dr Yusuf al-Qardhawi, dalam bukunya *Fiqh Daulah Fil Islam* (1998), pula menegaskan betapa Islam itu mencakupi seluruh kehidupan dengan perundangan dan ajarannya. Secara vertikal, ia bermula semenjak manusia dilahirkan hinggalah dia dimatikan oleh Allah. Secara horizontalnya, Islam menunjukkan kepada seorang Muslim dalam kehidupan peribadi, keluarga, bermasyarakat dan politik.

Sehubungan dengan ini, konsep demokrasi Barat yang bertunjangkan pemikiran manusia semata-mata, tidak terlepas daripada pelbagai kritikan. Antara alasannya, kerana tidak semestinya kehendak individu dianggap baik semuanya. Kehendak seseorang mungkin bertentangan dengan kehendak orang lain. Keadaan sedemikian boleh menyebabkan demokrasi menjadi kacau, dan tidak berdisiplin akan mewujudkan pemerintahan autoritarian, iaitu kerajaan yang berpegang teguh pada peraturan dan undang-undang.

Malah, demokrasi juga bukanlah asing dengan tradisi Timur yang lain. *Confucius*, misalnya menekankan nilai-nilai yang penting untuk terus tadbir urus demokratik seperti pendidikan, tolak ansur dan budaya madani. Idea dalam pandangan *Confucius*, ini ialah “rakyat sebagai asas” sememangnya mirip kepada idea demokrasi prosedur dalam masyarakat Barat. Demokrasi komunitariannya berbeza sedikit daripada demokrasi liberal, tetapi penekanan pada usaha mencapai muafakat untuk dan antara rakyat ialah nilai bersama antara dua-duanya.

Amartya Sen, pemenang Anugerah Nobel India pula menekankan tradisi berhujah masyarakat India dalam bukunya “*The Argumentative Indian*”. Tradisi ini diwakili adunan tamadun Islam dan Hindu dan tokoh-tokoh seperti Tagore, Mahatma Gandhi dan Maulana Kalam Alad, yang kesemuanya dihormati kerana sumbangan mereka kepada teori dan amalan demokrasi dalam masyarakat majmuk. Penentangan mereka kepada diskriminasi kasta dan permusuhan agama serta prinsip-prinsip mereka menjadi demokrasi yang berjaya pada hari ini. Penekanan Tagore terhadap wawasan majmuk dan kecintaan Gandhi kepada kesaksamaan bergabung menjadi falsafah mapan yang diwarisi negaranya. Kita seharusnya menghayati prinsip ini yang datang daripada budaya dan agama kita.

Sebagaimana yang saya sebut lebih awal, tentu sekali, konsep demokrasi juga tidak terlepas daripada pelbagai kritikan, antara alasannya kerana tidak semestinya kehendak individu dianggap baik semuanya. Kehendak seseorang mungkin bertentangan dengan kehendak orang lain, yang boleh menyebabkan demokrasi menjadi kacau dan tidak berdisiplin, malah boleh mewujudkan pemerintahan autoritarian. Lama-kelamaan, menurut Plato, corak pemerintahan autoritarian boleh bertukar menjadi “tirani” (tyranny), iaitu pemerintahan yang zalim, dengan pemimpin tertentu menggunakan kekuasaan sesuka hati.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sebagai contoh, marilah kita tinjau kes politik di Perak. Beberapa bulan ini di Perak, diperlihatkan contoh nyata pemerintahan yang bertentangan dengan prinsip demokrasi, yakni berasaskan kehendak rakyat terbanyak. Secara teorinya, rakyat Perak – sebagaimana warganegara Malaysia lain – mempunyai hak untuk memilih wakil-wakil mereka ke dalam Dewan Undangan negeri. Konsep demokrasi pula tidak membenarkan kewujudan institusi secara berasingan, sebaliknya memerlukan bantuan yang kuat dan mantap daripada Wakil-wakil Rakyat, kalangan Eksekutif dan Kehakiman.

Namun, oleh sebab berlakunya beberapa kejadian yang berlaku tanpa diduga dalam Dewan Undangan Negeri Perak, dan disokong oleh hal perundang-undangan yang juga tidak jelas,

maka gaya pemerintahan yang selama ini dianggap demokrasi, yakni pemerintahan oleh rakyat, kini sudah gagal diteruskan di Perak.

Struktur politik di Perak khususnya, sudah hancur. Keadaan yang menemui jalan buntu di Perak ini memeranjatkan seluruh rakyat Malaysia kerana keadaan tersebut menggambarkan demikianlah bentuk sistem demokrasi yang kita amalkan hari ini.

Kesedaran dan semangat politik yang lahir sejak 8 Mac 2008, terus membuak-buak. Ramai melahirkan sokongan dan minat untuk menyumbang kepada isu-isu awam, sama ada menerusi masyarakat madani, penglibatan secara langsung dalam politik mahupun kerajaan. Malah, ada yang berhasrat pulang dari luar negara untuk menyumbang kepada perkembangan demokrasi Malaysia yang sudah pun bermula. Ini merupakan tempoh yang cukup bersejarah, apabila rakyat merasakan akhirnya suara mereka didengar dan tindakan individu mereka mengakibatkan kesan yang dapat dilihat. Maka, di balik peristiwa yang menggusarkan kita di Perak dan tempat-tempat lain beberapa bulan kebelakangan ini, saya ingin tegaskan di sini bahawa kita tidak boleh hilang kepercayaan terhadap demokrasi.

Sememangnya wujud kelemahan dalam sistem ini, khususnya kegagalan kerangka yang mesti diperbetulkan segera sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri ataupun Kerajaan Tempatan. Menerima bahawa wujudnya kelemahan bukan bermaksud kita mengaku kalah. Sebaliknya, hal itu merupakan cabaran kepada kita yang berada di peringkat kerajaan mahupun menjadi wakil rakyat untuk mewujudkan elemen-elemen penting kepada sebuah negara hukum.

Ingin saya ulang sekali lagi – kita tidak boleh hilang kepercayaan, demokrasilah yang membenarkan kita berkhidmat kepada rakyat dan demokrasilah yang membolehkan idealisme kita menjadi realiti. Semua yang ada di dalam Dewan ini sama ada Pakatan mahupun Barisan, percaya kepada tanah air kita Malaysia. Mari kita mulakan di Selangor dengan menunjukkan contoh sebuah demokrasi yang segar dapat menjadi realiti.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kepelbagaian demokrasi menggambarkan bahawa demokrasi sosial, sebagai teori politik, dianggap suatu doktrin kacukan. Kedudukannya yang dilihat menggabungkan unsur-unsur sosialisme dan kapitalisme, mewujudkan keseimbangan unik antara dua konsep yang bertentangan.

Kepercayaan yang menunjangi demokrasi ini merupakan tindakan politik menerusi Kerajaan Berparlimen – dalam konteks ini Dewan Negeri kita - yang boleh membawa perbezaan terhadap agihan ganjaran dan peluang dalam masyarakat, yang merupakan persoalan pokok dalam ekonomi politik (*political economy*).

Aliran politik begini dilihat natural, iaitu mewakili rakyat untuk memberikan hasil yang optimum dalam sistem ekonomi. Dalam hal ini, demokrasi dijamin kepada semua individu menerusi hak-hak mereka untuk mengundi, walhal sistem egalitarianisme dijamin menerusi agihan sosioekonomi yang sama rata.

Demokrat sosial bertujuan membaharui kapitalisme secara demokrasi menerusi peraturan dan program Negara dalam usaha membetulkan ketidakcekapan dan ketidakadilan sosial.

Pengurusan ekonomi secara kolektif dalam kerangka ini mengekalkan pasaran kapitalisme dan ekonomi persendirian (menerusi peraturan awam) tetapi dipastikan negeri memegang peranan selaku pemilik, perancang, pelabur dan pembekal.

Saya percaya Pakatan Rakyat berpegang pada idea hubungan antara pasaran dan kerajaan ini, iaitu kesamarataan, keadilan sosial, dan kewarganegaraan, yang melampaui perbezaan kaum, kelas dan kepentingan individu.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Saya sudah memulakan asas demokrasi sosial yang cuba mencari situasi saksama bagi semua pembayar cukai dalam masyarakat, iaitu rakyat, kerajaan dan pasaran ekonomi. Kita sekarang berusaha mencari pasaran sosial yang bercirikan harta persendirian, persaingan, kebebasan bekerja, modal dan perkhidmatan. Ciri tambahan ini termasuklah usaha kita bekerja ke arah sistem perkhidmatan keselamatan sosial yang lebih tuntas (*comprehensive*) yang berasaskan prinsip-prinsip keadilan pencapaian dan penghargaan sosial.

Bagi mencapai prinsip-prinsip ini, pertumbuhan pengagihan sangatlah diperlukan. Antaranya, diperlukan pasaran ekonomi sosial yang cekap bagi mewujudkan kepentingan yang seimbang dalam kesamarataan sosial yang mahu dinikmati bersama. Soalan utamanya, sama ada Malaysia sudah berjaya mempertahankan standard ini dalam tempoh 50 tahun, atau sebaliknya.

Keseimbangan yang jelas mungkin dicapai antara rangsangan pertumbuhan ekonomi dengan pembangunan dan pelaksanaan lebih banyak agihan ganjaran dan peluang merentasi seluruh lapisan masyarakat. Campur tangan awam mesti wujud dalam bentuk dasar gaji minimum, pemilikan awam, perancangan dan pengawalan, pengurusan, perkhidmatan awam yang kolektif dan pengagihan semula kekayaan dan pendapatan menerusi sistem cukai dan keuntungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Inilah hakikat yang sedang kita lakukan di Selangor, iaitu berazam dan berusaha untuk secara cekap mengumpulkan segala sumber bagi pembangunan dan kemudian membahagikan limpahan keuntungan secara adil dan saksama kepada seluruh rakyat.

Saya berharap sangat supaya wakil-wakil rakyat sanggup bersama-sama saya dalam usaha berterusan dan ikhlas ini untuk bekerja keras bagi manfaat rakyat.

Dalam Sidang Dewan Negeri yang lepas, saya ada mengumumkan hasrat Kerajaan Selangor untuk memulakan lima projek besar menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi. Lima projek tersebut meliputi pembangunan semula kawasan Bandar, pemulihan Sungai Klang, pengambilan semula aset perkhidmatan air, penaikan taraf pengangkutan awam, pemulihan projek-projek perumahan yang terbiar, dan kita juga hendak meneruskan projek pembangunan bagi melipatgandakan pengeluaran padi.

Sejak Mac 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat juga memulakan sembilan program dalam agenda "Merakyatkan Ekonomi Selangor" iaitu meliputi bantuan kewangan, latihan kemahiran dan keusahawanan kepada rakyat yang berpendapatan kurang RM1500 sebulan.

Rakyat yang layak menerima bantuan kebajikan menerusi agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor ini meliputi pelbagai usia dan peringkat, sama ada bayi, anak-anak sekolah, remaja, orang kurang upaya, belia, Orang Asli, ibu tunggal atau warga emas.

Huraian lanjut tentang usaha Merakyatkan Ekonomi Selangor Insya-Allah saya sentuh dalam sesi Mesyuarat Dewan Negeri kemudian. Perkara yang penting di sini, pakej rangsangan ekonomi dan dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor diwujudkan berasaskan prinsip-prinsip pasaran ekonomi sosial dan demokrasi sosial yang saya pegang sekarang dengan kuatnya. Tegasnya, pertumbuhan ekonomi mestilah dirangsang, supaya akhirnya limpahan keuntungan dapat diagihkan secara sama rata kepada rakyat yang memerlukannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pada hari yang bertuah ini, kita mesti perlu merayakan detik bersejarah ini. Menyambut ulang tahun ke 50 Dewan Negeri sebenarnya bermaksud kita merayakan genapnya 50 tahun pemerintahan demokrasi di Selangor.

Saya pun menyingkap dengan lebih dalam lagi sejarah pemerintahan demokrasi di Selangor khususnya. Maka, lebih banyak konsep falsafahnya untuk diberi pertimbangan pada hari ini kerana saya percaya semua ini mencabar dan mengingatkan kita tentang persoalan; mengapakah kita berada di dalam Dewan yang mulia ini sekarang?

Peranan Yang Berhormat Tuan-tuan dan Puan-puan sebagai wakil-wakil rakyat di dalam Dewan Negeri Selangor, sangat penting. Tuan-tuan dan Puan-puan merupakan tulang belakang demokrasi yang kita amalkan sekarang. Kita mewarisi suatu sistem yang sudah tiris sebahagiannya, tetapi masih mampu kita pulihkan dan kita jadikan landasan pemerintahan demi kepentingan rakyat.

Justeru, sekarang terserah kepada kita semua – untuk memberikan takrifan, mentafsir dan menghalusi cara demokrasi dan egalitarianisme dapat dilancarkan dan dilaksanakan agar Dewan Negeri berpegang pada semua prinsip demokrasi lantaran kita sudah faham betapa prinsip berkenaan merupakan representasi rakyat melalui suara hati bersama, hak-hak dan peluang sama rata, perundingan awam, kebertanggungjawaban, ketelusan dan tadbir urus yang cekap.

Saya dengan sukacitanya mengucapkan tahniah kepada semua yang hadir lantaran kita sama-sama hidup dalam masa-masa yang menguja, menguji dan mencabar, Justeru itu, marilah kita berazam sekali lagi di samping mengatasi perbagai halangan untuk mengekalkan amalan demokrasi untuk membangunkan masyarakat yang boleh dibanggakan. Contoh yang jelas ialah jiran kita hari ini pada 8 Julai ini, diadakan pemilihan demokrasi yang terbesar iaitu Presiden Indonesia yang dikatakan lebih seratus tujuh puluh lima juta (175) masyarakat Indonesia yang turun mengundi hari ini.

Oleh itu, bagi saya Selangor mesti mengepalai perjalanan yang dipenuhi prinsip-prinsip demokrasi dan kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang dipilih oleh rakyat mesti bersama-sama membersihkan onak dan duri yang menghambat kelancaran jalan pemerintahan demokrasi.

Demikianlah sahaja ucapan saya, terima kasih. *Wabilahitaufiqwalhidayah Wassalamualaikum warahmutullahiwarakatuh.*

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan hadirin sekalian ke ruang Galeri Dewan untuk bersama-sama menyaksikan Majlis Perasmian Sambutan 50 Tahun Dewan Negeri Selangor, dengan itu saya menangguhkan Dewan hingga jam 11.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi

(Dewan disambung semula pada jam 11.30 pagi)

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang semula.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Seri Setia

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Tuan Speaker, soalan nombor satu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SERI SETIA)**

TAJUK: PENYELESAIAN KES-KES LADANG SEJAK MAC 2008

1. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
 - a) Apakah senarai dan butir-butir kes-kes penyelesaian pekerja ladang sejak Mac 2008 yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang terutama dalam hal-hal kebajikan mereka. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang yang membincang segala isu dan permasalahan pekerja-pekerja ladang bagi memastikan kebajikan mereka terjamin. Dasar Kerajaan Negeri telah mensyaratkan dalam setiap permohonan tukar hak milik tanah atau jenis kegunaan tanah ladang supaya majikan menyediakan rumah kos rendah ataupun rumah-rumah yang jenis lain dari harga 30 ribu ringgit ke atas yang mana perbezaan harga sebanyak 7 ribu ringgit akan digantung oleh pemilik ladang tersebut. Sepanjang pemerintahan Parti Keadilan Rakyat, Pakatan Rakyat sejak Mac 2008 kes-kes seperti perumahan, Sekolah Tamil, kuil, bekalan air dan elektrik, kebersihan dan kebajikan anak-anak pekerja ladang, dan apa sahaja yang melibatkan kebajikan pekerja-pekerja ladang telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap. Selain perbincangan program turun padang oleh ahli MMKN serta ADUN turut diadakan bertujuan untuk melihat sendiri keadaan dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Berikut adalah ladang-ladang yang telah dibincangkan serta diselesaikan sepanjang Mac 2008 hingga kini. Ladang Bukit Raja, Ladang Bukit Raja pernah ditimpa bencana banjir dan sekarang telah bertukar kepada kawasan perumahan. Akibat daripada bencana tersebut dan juga pertukaran tanah status tanah seramai 72 buah keluarga telah mendapatkan rumah serta tapak tambahan bagi tapak Sekolah Tamil seluas 2.7 ekar tetapi keluasan yang telah diberi oleh pemaju Ladang Bukit Raja ialah 5 ekar dan sekarang kita telah pastikan bahawa 5 ekar itu telah pun di bawah milik Lembaga Sekolah Tamil di Ladang Bukit Raja. Ladang Coaldfield, masalah perumahan di Ladang Coaldfield telah selesai di mana seramai 34 pekerja ladang dan 61 ahli keluarga dari kalangan pekerja ladang telah ditawarkan rumah dengan izin *town house*. Di Ladang Sabak Bernam dan Ladang Ascot masalah mengenai penetapan baru bagi Sekolah Tamil bagi Ladang Sabak Bernam dan Ladang Ascot masih di dalam peringkat perancangan. Ladang Bukit Tinggi. Masalah perumahan di Ladang Bukit Tinggi telah selesai di mana 30 buah keluarga telah

mendapat rumah. Sekolah Tamil Ladang Bukit Tinggi telah mendapatkan bantuan kewangan sebanyak RM 120 ribu dari Kerajaan Negeri untuk membangunkan sekolah. Anak-anak pekerja ladang Bukit Tinggi juga akan diberi bantuan tambahan bas untuk ke sekolah. Ladang Kinrara. Sekolah Tamil Ladang Kinrara telah mendapatkan peruntukan sebanyak RM 50 ribu untuk bangunan sekolah. Ladang Nidel Garner. Ladang Nidel Garner telah mendapatkan bantuan membaiki jalan sebanyak RM 20 ribu. Selain itu mereka juga telah mendapatkan bantuan kewangan untuk mengadakan kelas tambahan bagi murid-murid yang akan menghadapi peperiksaan UPSR. Anak-anak pekerja ladang Nigel Garner juga akan diberi bantuan tambahan bas untuk ke sekolah. Ladang Hopefull, Ladang Miri, Ladang Minyak dan Ladang Sabak Bernam. Masalah yang dihadapi oleh ladang-ladang ini ialah tiada bas yang sudi untuk masuk ke ladang-ladang ini kerana keadaan jalan yang sangat teruk. Perkara ini akan menyebabkan ramai di kalangan anak pekerja ladang dicitir dalam pelajaran. Maka Kerajaan Negeri akan menyediakan perkhidmatan bas untuk anak-anak ladang ini supaya mereka dapat meneruskan pembelajaran mereka di bandar. Ladang Batu 4, Ladang Sungai Buloh, Ladang RRI, Ladang FM dan Ladang Vembarasa. Ladang-ladang ini mendapat bekalan meja dan kerusi sumbangan Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah yang ada di dalam ladang-ladang ini. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk meningkatkan tahap pendidikan anak-anak sekolah Tamil di ladang-ladang ini dengan mengadakan beberapa aktiviti dan program untuk anak-anak pekerja ladang bermula dari tahap kelas tadika sehingga sekolah menengah. Ladang Rinching dan Ladang Sungai Bernam. Program motivasi dan kem kesihatan telah diadakan di ladang-ladang ini. Hasilnya masyarakat ladang lebih peka mengenai jati diri untuk keluar dari kelompok kemiskinan serta sedar tentang kepentingannya dalam penjagaan kesihatan. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk memastikan kebajikan pekerja-pekerja ladang ini dijaga terutama dari aspek perumahan, kemudahan infrastruktur, pendidikan anak-anak serta hak-hak sekiranya penamatan pekerjaan dibuat oleh majikan diberikan kepada mereka mengikut undang-undang pekerja ladang. Adalah menjadi fokus utama Kerajaan Negeri untuk merealisasikan peningkatan taraf kehidupan masyarakat pekerja-pekerja ladang di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, soalan nombor 2.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : ZON PERDAGANGAN BEBAS PELABUHAN KLANG (PKFZ)

2. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
 - a) Sila nyatakan apakah bidang kuasa dan peranan Kerajaan Negeri Selangor dalam konteks pengurusan PKFZ.
 - b) Sila nyatakan dengan terperinci bilakah Kerajaan Negeri Selangor menganugerahkan tanah seluas 1000 ekar kepada Koperasi Kemajuan Pulau Lumut dan nyatakan tujuan sebenar tanah tersebut diberikan.

- c) Sila senaraikan seluruh Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Kemajuan Pulau Lumut yang dikurniakan tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor dan kenapa tanah tersebut dijual kepada Syarikat Kuala Dimensi S/B.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, oleh sebab Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Kelang (PKFZ) ini sudah banyak dibincangkan tetapi saya perlu menjawab mengikut soalan yang dikemukakan iaitu (1) bidang kuasa peranan Kerajaan Negeri dalam konteks pengurusan Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang, kemudian menyatakan dengan terperinci bilakah Kerajaan Negeri menganugerahkan tanah seluas 1 ribu ekar kepada Koperasi Kemajuan Pulau Lumut dan menyatakan tujuan sebenar pemberian tanah tersebut. Ketiga soalannya ialah, senaraikan seluruh Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Kemajuan Pulau Lumut yang dikurniakan tanah oleh Kerajaan Negeri Selangor dan kenapa tanah tersebut dijual kepada syarikat Kuala Dimensi Sdn. Bhd.

Pertama saya ingin jelaskan, PKFZ yang dikatakan kita tadi sebagai syarikat perdagangan bebas Pelabuhan Klang, *Port Klang Free Trade Zone* merupakan anak syarikat Lembaga Pelabuhan Klang manakala Lembaga Pelabuhan Klang sebuah institusi Kerajaan Persekutuan dan dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan. Bagaimanapun, oleh sebab Lembaga Pelabuhan Klang ini berada di kawasan daerah Klang dan dalam Negeri Selangor, maka Kerajaan Persekutuan dan Lembaga diberikan senarai dan Ahli Lembaga yang salah satu tempat untuk Kerajaan Negeri Selangor meletakkan seorang wakil. Dahulunya Pengarah Unit Perancang Ekonomi tetapi oleh sebab kita berpendapat perlunya Kerajaan Negeri Selangor meneliti perkembangan terkini hal-hal dalam Lembaga Pelabuhan Klang, maka kita mencadangkan salah seorang ahli Majlis Mesyuarat dalam Kerajaan Negeri Selangor untuk mewakili Negeri Selangor. Bagaimanapun, hal ini belum dijawab lagi oleh pihak Lembaga Pelabuhan Klang. Jadi tujuannya ialah supaya Kerajaan Negeri Selangor dapat melihat kepentingan negeri dan menyuarakan pandangan negeri daripada segi peranan sosioekonomi *Port Klang Free Trade Zone* dan juga menentukan terdapat peningkatan pelaburan di daerah tersebut. Jadi antara peranannya ialah cuba membantu dan mengemaskinikan urusan tanah yang merupakan kuasa Kerajaan Negeri. Yang kedua, menghadiri dan membincang tentang keputusan-keputusan yang dibuat Lembaga Pelabuhan Klang.

Pada masa ini senarai Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang diberikan tanah di sana, saya ingin jelaskan Lembaga Pelabuhan Klang mempunyai anak syarikat PKFZ dan anak syarikat PKFZ inilah yang menjalankan pembangunan PKFZ. Jadi, soalnya, siapakah Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pembangunan Pulau Lumut semasa pemberi milikan tanah? Jadi soalnya ialah Kerajaan Negeri ada memberikan tanah kepada Koperasi Pembangunan, Koperasi Pembangunan Pulau Lumut. Mereka, yang pada masa tersebut terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah, iaitu Tuan Haji Onn Ismail, Pengerusi sekarang Tan Sri Haji Onn Ismail, Yang Berhormat Dato Haji Abdul Rahman bin Palil, Tuan Haji Raslan Ahya, Encik Hashim bin Sibilik, Encik Hailani bin Mustafa, Tuan Haji Main bin Sulaiman, Encik Salik bin Yusuf, Encik Churiki bin Atim, Encik Rahim bin Salleh. Mereka merupakan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah yang memberikan tanah seluas 1 ribu ekar kepada Kemajuan Koperasi Pulau Lumut. Apabila keputusan itu dibuat, Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-11/92 yang bersidang pada 8 Januari tahun 1990 telah meluluskan pemberi milikan tanah sebanyak 404 hektar lebih kurang 1 ribu ekar kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut dan pentadbiran tidak dapat mengenal pasti tentang tujuan tanah tersebut dijual kepada Syarikat Dimensi. Bagaimanapun, syarikat tanah tersebut dalam milikan PKFZ, dan saya harap kita dapat mendengar hasil penyelidikan *Price Waterhouse* mengenai perkara ini yang bakal dibincangkan di Parlimen. Saya jangkakan pada Ogos ini apabila Parlimen Malaysia bersidang. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Sekinchan. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. YB Tan Sri, saya ingin kenal pasti atas alasan apa tanah seluas 1000 ekar ini diluluskan urusan pemberi milikan kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut. Kita memberi sekeping tanah yang besar 1000 ekar ini, mesti ada alasan sebab-sebab yang konkrit untuk dikurniakan dan apa yang ahli-ahli Koperasi dapat daripada..... faedah dapat daripada pengurniaan tanah ini. Apa faedah yang ahli-ahli Koperasi dapat melalui pengurniaan 1000 ekar tanah ini oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dalam minit mesyuarat, kelulusan pemberi milikan tanah seluas 1000 ekar kepada Koperasi Pembangunan Pulau Lumut, tujuannya ialah pertanian. Tujuan untuk pertanian dan tanah itu hendak dibahagi kepada setiap ahli Koperasi supaya mereka dapat menjalankan usaha pertanian. Pada masa ini, kawasan itu bukan pertanian.

YB. TUAN NG SUEE LIM: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi ingin mengetahui, apakah sikap dan pendirian Kerajaan Selangor berhubung dengan kos PKFZ ni yang dikatakan pada 2001 adalah kosnya 1.96 bilion tetapi kini naik kepada 7.45 bilion dan kalau menurut Tee Kiat kemungkinan jangkakan harga akan datang ialah 12.5 bilion. Adakah elemen rasuah berlaku di sana?

YAB DATO' MENTERI BESAR: Pada pandangan saya, usaha yang dilakukan oleh Lembaga Pelabuhan Klang bertujuan memiliki perusahaan yang meletakkan pengilang-pengilang dalam tempat perdagangan zon bebas. Tujuannya supaya di tempat perdagangan tersebut, pengusaha-pengusaha boleh membuat barangan-barangan dengan tidak tertakluk kepada cukai Kerajaan Persekutuan. Jadi, maknanya dipanggil *Free Trade Zone* dan supaya urus niaga dengan perdagangan antarabangsa dapat dilakukan dengan cepat dan berkesan. Kedua, sudah tentulah daripada berita-berita yang kita ketahui, Syarikat Dimensi ini menjalankan urus niaga dengan Koperasi Kemajuan Pulau Lumut. Maknanya, untuk membeli tanah, tanah yang 1000 ekar itu yang dikhaskan untuk pertanian sudah diberikan, dijual kepada Syarikat Dimensi. Saya tahu Kerajaan Negeri Selangor juga mungkin terlibat dalam usaha tersebut sebab proses membenarkan penggunaan tanah daripada pertanian ke komersial mestilah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Kedua, sudah tentulah apabila diberi tanah itu ia proses untuk menjadikan tanah itu bukan tanah pertanian tetapi tanah komersial iaitu bangunan-bangunan dan tanah itu disediakan untuk pembangunan hartanah.

Komen saya, Lembaga Pelabuhan Klang selaku pemilik saham syarikat ini mestilah bertanggungjawab tentang pelaburan yang dibuat. Maknanya, pelaburan yang dibuat kerana membeli tanah itu diubah menjadi tanah perdagangan, mestilah diadakan proses pembelian tanah dan kos pembangunan. Pada penelitian saya, kalau ia sampai 12 bilion, maknanya kos untuk membina, membangunkan tanah itu boleh jadi terlalu tinggi, terlalu tinggi. Maknanya RM1juta, 1000 ekar tanah dibangunkan dan kalau ia 1000, RM1juta, 1 ekar, kalau ia RM1 juta, 1 ekar, jika 1000 ekar, maknanya 1 bilion. Ini bererti RM12 juta bagi 1 ekar. RM12 juta bagi 1

ekar kalau ikut kiraan yang akhir itu, maknanya kalau kita terjemahkan dalam kiraan, bermakna RM300,000 satu kaki persegi. Jadi, tak ada hartanah di Malaysia yang harga sebegitu tinggi! Kalau pun kita tengok hartanah di *Twin Tower*, dia hampir paling banyak RM2,000.00 sahaja. Ia sebagai perbandingannya.

Jawapannya mengapa ia lakukan begini? Boleh jadi, ini yang jawapan yang hendak diselesaikan apabila *Price Water House* menengok bentuk-bentuk keputusan yang hendak diberikan. Penyelewengan hanya boleh dikatakan wujud apabila kita ada bukti penggunaan yang tidak betul. Tetapi sekurang-kurangnya, saya agak Lembaga Pelabuhan Klang tak faham berniaga! Itu sahaja. Tetapi paling teruk itu, masalah ini perlu diselesaikan.

Saya mencadangkan kepada Kerajaan, selain mencari kesalahan tersebut... tetapi jumlah pelaburan sudah dibuat. Sekurang-kurangnya, pada kiraan saya, sekurang-kurangnya dua (2) atau tiga (3) bilion yang sudah dimasukkan sebagai pelaburan. Oleh sebab itu, ada baiknya untuk kemudahan Kerajaan Persekutuan juga, maka saya ingin memasukkan seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam Lembaga Pengarah LPK. Ini untuk membantu. Sebab kalau kita tak gunakan lagi kita mendapat kerugian yang sangat besar dan kerugian itu mungkin berlipat ganda kalau kita meminjam. Bayangkan kita pinjam 12 bilion, kalau 1%, faedanya RM12 juta setahun. Jika 10%, RM120 juta setahun. Maknanya, tak ada syarikat boleh dapat menanggung beban yang besar. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan Persekutuan terutama Kementerian Pengangkutan supaya dapat menyelesaikan masalah ini untuk membuat *write-off* ataupun memotong kerugian tersebut supaya FTZ ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat menolong pembangunan Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

YB TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Tuan Speaker. Soalan nombor 3.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: BANTUAN UNTUK SEKOLAH RAKYAT

3. Terdapat banyak sekolah-sekolah yang ditubuhkan atas inisiatif rakyat yang prihatin terhadap pendidikan seperti Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Jenis Kebangsaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah sekolah-sekolah ini di negeri Selangor dan berapakah jumlah murid yang belajar di sini dan guru-guru serta kakitangannya?
- b) Apakah bentuk bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah ini bagi meningkatkan kualiti pembelajaran mereka?
- c) Apakah perbezaan dasar Kerajaan Negeri sekarang berbanding kerajaan yang diperintah Barisan Nasional dahulu terhadap sekolah jenis ini?

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih, Tuan Speaker. Jumlah sekolah-sekolah di Negeri Selangor, bilangan gurunya dan murid :-

- i) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, ada 97 buah sekolah, murid 35,104 dan guru seramai 2,279.
- ii) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, ada 108 sekolah, 123,157 murid dan bilangan guru 5,545.
- iii) Sekolah Agama Rakyat, ini statistik daripada Jabatan Agama Islam yang saya rasa belum menyeluruh bagi seluruh Sekolah Agama Rakyat kerana saya difahamkan oleh beberapa Sekolah Agama Rakyat yang datang mengadu kepada saya mereka masih belum berdaftar di bawah JAIS dan selama ini bermasalah untuk didaftar kerana dikatakan pro-pembangkang. Jadi data ini adalah daripada KAFA Integrasi yang di daftar di bawah JAIS. Jadi jumlah sekolah ini adalah 290, muridnya 88,154, gurunya 3,361. Jadi saya nak nyatakan sekali lagi, ini bukannya menyeluruh dan saya masih dalam proses untuk mengumpulkan data yang lebih lengkap.

Bagi Sekolah Tamil, bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah sebanyak RM4 juta di mana ianya meliputi bantuan baik-pulih infrastruktur sekolah, bantuan tambang bas kepada para pelajar miskin daripada ladang yang tinggal berjauhan daripada sekolah, penubuhan tadika di 10 buah Sekolah Tamil, program untuk pelajar *slow learners* (dengan izin), program peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris.

Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, bantuan yang diberikan adalah di dalam bentuk bantuan baik-pulih sebanyak RM4 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Pemberian adalah diutamakan kepada pembinaan bilik darjah, prasarana seperti dewan dan tandas serta pembaikan bangunan sekolah dan mesyuarat pemilihan pertama telah diadakan Februari 2009, RM2 juta telah diberikan dalam fasa I yang dirasmikan oleh YAB Dato' Menteri Besar di mana 25 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah menerima sumbangan tersebut dan fasa II akan dilaksanakan, Insya-Allah pada bulan Ogos 2009 ini. Sebanyak RM2 juta telah diberi kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina di mana kita difahamkan juga mereka ini tidak pernah langsung mendapat satu sen pun bantuan daripada mana-mana Kerajaan sama ada Negeri atau Pusat iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Bagi Sekolah Agama Rakyat, bantuan RM6 juta telah diperuntukkan juga di mana bentuk bantuan yang diberikan berupa bantuan baik-pulih yang asas di mana tandas, pendawaian semula, bumbung yang bocor, kantin, longkang dan sebagainya kerana kita tahu setengah daripada Sekolah Agama Rakyat ini begitu daif sehingga kita kurang percaya ianya berada di negeri yang dikata maju 2005, Negeri Selangor. Seterusnya bantuan ini adalah daripada segi penambahan kelas, input kurikulum bersepadu yang menerap elemen-elemen teras dasar pembangunan modal insan Negeri Selangor (SPIES) dan juga daripada segi bentuk TOT guru-guru di mana kita ingin mempertingkatkan keupayaan mengajar di kalangan guru-guru terutama bagi subjek akademik di mana seperti yang tuan-tuan/puan-puan tahu, Sekolah Agama Rakyat ini adalah sekolah yang didirikan oleh rakyat dan di mana guru-gurunya adalah orang-orang yang mempunyai jati diri yang begitu tinggi, yang mempunyai pengorbanan yang begitu besar kerana mereka tidak mendapatkan imbuhan seperti yang didapati oleh kalangan rakan-rakan mereka di sekolah Kerajaan. Jadi mereka ini tidak dilatih sebagai guru profesional, jadi kita Kerajaan Negeri melihatkan mereka telah menyumbang begitu besar kepada pembangunan modal insan Negeri Selangor yang kita mahu. Insya-Allah, Sekolah Agama Rakyat ini sebagai

pengeluar modal insan yang menjadi watak-watak utama dalam menjana Khairah Ummah atau umat terbaik di Negeri Selangor ini.

Dasar Kerajaan Negeri terhadap sekolah-sekolah jenis ini adalah fokus kepada pembaikan infrastruktur sekolah serta pementapan kandungan pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru dan para pelajar secara menyeluruh merangkumi pelbagai bangsa dan agama. Dan saya ingin menekankan juga beza dasar Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sekarang ini berbanding dengan dasar Kerajaan Barisan Nasional, Negeri Selangor yang lepas ialah Kerajaan Negeri memberikan penekanan kepada pendidikan dalam erti kata sebenarnya iaitu pendidikan sebagai hak asasi setiap rakyat di Negeri Selangor dan menghormati peruntukan Perlembagaan Negara yang jelas memberi pilihan kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke jurusan sekolah yang di yakini terbaik untuk anak-anak mereka. Justeru, Kerajaan Negeri Selangor cuba memberi sumbangan, perhatian kepada mengikut hak kemampuan bajet negeri kepada semua sekolah-sekolah yang selama ini dipinggirkan. Bahkan dinafikan hak dan sumbangan mereka sebagai pengeluar modal insan penting untuk negeri Selangor dan Negara. Saya menyatakan ini kerana kita adalah berdasar kepada aduan-aduan yang kita terima daripada sekolah-sekolah yang tergolong dalam daripada jenis ini seperti yang sebutkan tadi. Dan saya juga mengatakan kita mengikut hak, had kemampuan bajet Negeri ini kerana kalau mengikut kehendak kerajaan negeri Selangor sudah tentulah kita mahu memberikan lebih daripada itu, tetapi apa kan daya kita punya ada had bajet kita kecualilah kalau Meru ingin mencadangkan kepada kerajaan Negeri untuk membuatkan mini laluan Imigresen yang keluar, mana-mana jalan raya yang keluar daripada Putrajaya kita buat satu laluan Imigresen di mana mereka perlu membayarkan cukai kepada kerajaan Negeri. Dalam pendidikan kerajaan negeri turut memberi perhatian kepada para pelajar yang asal dari keluarga yang berpendapatan rendah dan menyediakan pelbagai kemudahan kepada para pelajar dalam memperoleh suasana dalam pembelajaran yang terbaik. Saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian di mana kita prasarana kita di sekolah ini walau pun mungkin negeri-negeri lain merasakan ianya lebih baik daripada negeri mereka tetapi untuk *standard* negeri yang maju ia jauh daripada piawaian atau *standard* tersebut. Sebab itu kita harus memainkan peranan yang begitu besar dalam mempertingkatkan kualiti sekolah-sekolah tersebut. Selain itu kerajaan Negeri turut memberi penekanan terhadap kemahiran 5 M yang perlu dikuasai oleh para pelajar di sekolah di negeri Selangor ini. Di mana kita tidak mahu hanya terhad, pelajar-pelajar kita terhad menguasai membaca, menulis dan mengira tetapi juga kita mahu melengkapkan mereka dengan kemahiran asas memikir dan mengamalkan segala yang telah dipelajari yang segala ilmu yang baik yang telah mereka pelajari daripada pembacaan, pengiraan dan penulisan mereka dan yang telah mereka fikir dan rumuskan yang terbaik.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD. NASIR BIN HASHIM: Soalan No. 4.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK: MENGAZETKAN HUTAN SIMPANAN

4. Rakyat Selangor bergembira dengan ketetapan Kerajaan Negeri bahawa kawasan hutan di Kota Damansara dikekalkan sebagai hutan simpan dan akan digazet beberapa bulan lagi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Bilakah kawasan ini akan digazet.
- b) Memandangkan kawasan ini akan dikunjungi rakyat dari merata-rata tempat, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan.
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk merapatkan diri dengan badan-badan NGO yang bergiat dengan mengesan, memulihkan dan mengekalkan alam sekitar di Negeri Selangor.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, kawasan hutan di Kota Damansara telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor MMKN untuk diwartakan sebagai hutan simpanan kekal pada 27 Mei 2009. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor JPNS telah memulakan langkah pewartaan iaitu mengangkat pelan kelulusan MMKN kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Selangor JPEN bagi menyediakan pelan warta. Proses pewartaan ini dijangkakan disiapkan sebelum bulan September dan selewat-lewatnya sebelum akhir tahun 2009. Dalam kelulusan MMKN yang sama kawasan ini turut diwartakan serentak sebagai hutan lipur, hutan pelajaran dan hutan penyelidikan di bawah Seksyen 10 Subseksyen 1 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985. Pewartaan ini kelak akan membuka ruang bagi kerajaan Negeri melalui JPNS untuk mengadakan Rancangan Pengurusan Hutan yang sesuai untuk kawasan ini termasuk pertimbangan dalam semua aspek potensi sebagai kawasan rekreasi dan pendidikan biologi hutan. Kerajaan Negeri memberi tumpuan Taman Negeri Selangor sebagai destinasi Pelancongan *Echo*. Kerajaan negeri menerusi JPNS sentiasa berusaha untuk meningkatkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan dalam pemuliharaan dan juga pemeliharaan pengekalan alam sekitar khususnya kawasan berhutan di negeri Selangor. Di antara kerjasama yang telah diadakan ialah pelaksanaan program kesedaran perubahan iklim dan kepelbagaian biologi untuk pelajar-pelajar sekolah rendah di sekitar Lembah Kelang bersama dengan izin *'tree each environment special'* atau pun TREES di Hutan Lipur Sungai Tekala pada pertengahan tahun 2008 dan program Jom Tanam Pokok yang dilaksanakan bersama Global Environment Centre (GEC) bagi pemuliharaan kawasan terokaan haram di Hutan Simpan Raja Musa sejak penghujung tahun 2008. Usaha sedang dibuat untuk mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) dengan GEC agar program dapat dilaksanakan secara serampang dua mata yang dapat memanfaatkan semua pihak seperti menjimatkan kos kepada kerajaan Negeri dan melibatkan pihak swasta dan rakyat dalam memperolehi kesedaran yang akan di mana kepentingan pemeliharaan alam sekitar diutamakan. Lain-lain badan bukan Kerajaan yang telah menyertai program pemuliharaan hutan antaranya adalah Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA), *Echo Warrior* dan *Malaysian Natures Society*.

YB TUAN SPEAKER: Sg. Panjang.

YB DATO' SERI MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Tuan Speaker, soalan No. 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO SERI MOHAMMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGGAI PANJANG)**

TAJUK: KOS PENGISYTIHARAN HARTA

5. YAB Menteri Besar menyatakan bahawa pengisytiharan harta Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri diaudit dan diseliasah oleh firma akauntan Ernst & Young.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

a) Berapakah caj yang dikenakan oleh firma tersebut untuk keseluruhan kerja mereka.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Kos untuk mengira atau menyimpan penyata *asset* dan *liability* atau pun harta dan tanggungan Ahli-ahli EXCO tidak besar. Sebab, Ahli-ahli EXCO pada awalnya sudah mengisytiharkan akaun-akaun mereka dan akaun-akaun itu disimpan di pejabat Menteri Besar dan audit yang dilakukan oleh firma Earnst & Young dilakukan secara berkala. Dan mengikut perjanjian atau pun perbincangan saya dengan pihak Earnst & Young, kalau semakan yang dilakukan itu tidak banyak bererti belanja kosnya kurang 100.00 ringgit dan ia tidak mungkin menyebabkan tiap-tiap Ahli-ahli Eksko membayar melebihi \$1000.00 setahun. Tetapi buat masa ini kos tidak dikenakan sebab penyata itu tidak banyak sebab kita mengambil kira tiap-tiap tahun kita mesti mengisytiharkan setakat mana pertambahan aset dan setakat mana pengurangan tanggungan ataupun penambahan tanggungan yang dialami oleh Ahli-ahli EXCO.

YB TUAN LAU WENG SAN: Soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER: Ya, Sg. Panjang.

YB DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO: Soalan tambahan, Tuan Speaker. Melalui pengamatan saya tentang pengisytiharan harta yang dibuat di *web site* ini hanyalah meliputi gaji, tetapi saya ingin bertanya Tuan Speaker, berapakah jumlah hutang sebenar YAB Ijok dengan Bank Islam sehingga ada tindakan bank terhadap beliau.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Itu, pengisytiharan itu akan dibuat dan buat masa ini terdapat kes yang berlaku di mahkamah oleh sebab itu saya tidak akan menjawab soalan itu.

YB TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Ya, Terima kasih tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan juga bercadang untuk mengenakan pengisytiharan harta ini secara mandatori terhadap semua ADUN khususnya termasuk ADUN Pembangkang supaya kita boleh tahu juga ada juga pembangkang atau pun ADUN yang mempunyai kekayaan yang tidak diisytiharkan atau pun kekayaannya diperoleh melalui cara yang tidak sah. Saya ingin bertanya sama ada ini akan dikenakan atau tidak. Terima Kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR: *Corporate Governance* kita hanyalah kepada *Executive* yang terlibat dan oleh itu pada masa ini kerajaan negeri yang kita tahu, ada mempunyai rekod

mengenai pemilikan-pemilikan harta untuk EXCO yang ada sekarang. EXCO-EXCO yang sebelum ini saya tidak ada. Saya tidak ada maklumatnya dan tidak ada juga disimpan dalam jagaan Kerajaan Negeri Selangor. Dan untuk pengisytiharan harta Ahli-Ahli Dewan Negeri, ah! itu tidak kita utamakan kerana itu tiada kena mengena dengan *Executive*. Bagaimanapun, sebagai usaha, kalau perlu jika Dewan ingin membuat beberapa cadangan kita boleh bincangkan dan luluskan di dalam Dewan ini supaya Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor boleh membuat pengisytiharan harta.

YB. TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, soalan No. 6.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: PASIR

6. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

a) Sehingga pertengahan tahun 2009, berapa jumlah pendapatan Syarikat Negeri iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang menjalankan aktiviti perniagaan pasir?

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, menjawab soalan Kuala Kubu Baharu, pada bulan Jun 2008 yang lalu kerajaan negeri telah menubuhkan Kumpulan Semester Sdn. Bhd., bagi mengendalikan industri mineral, khususnya pasir di negeri Selangor. Sehingga Julai 2009 jumlah jualan KSB untuk industri pasir sebanyak 22 juta ringgit.

YB TUAN WONG KOON MUN: Soalan Tambahan.

YB TUAN SPEAKER: Ya! Kuala Kubu Baharu.

YB TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, saya difahamkan di penggal mesyuarat pertama ini bahawa kerajaan Negeri Selangor telah berjanji bahawa boleh dapat pendapatan jualan pasir sebanyak 120 juta. Tetapi, saya difahamkan sampai hari ini hanya dipungut 6.9 juta sahaja daripada pendapatan pasir. Soalnya, bolehkah saya mendapatkan satu penyata yang lebih terperinci bagaimana pendapatan pasir ini di belanja. Satu. Kedua, apakah langkah atau kawalan yang diambil di atas kecurian pasir termasuk pasir sungai kerana di kawasan saya terdapat banyak tebing, tebing sungai runtuh, runtuh yang mana tidak boleh dibaiki oleh kerajaan negeri Selangor sehingga Ahli Majlis daripada Pakatan Rakyat meminta saya mendapatkan peruntukan daripada pusat untuk baiki. Saya rasa itu bukan satu perbuatan yang adil kerana yang lakukan kerajaan Negeri tetapi untuk membaiki...

YB TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, soalan, soalan.

YB TUAN WONG KOON MUN: Soalan itu lah.

YB TUAN SPEAKER: Soalan tambahan, ini ucapanlah.

YB TUAN WONG KOON MUN: Okey. Apakah langkah saya tanya, apa langkah yang sedang diambil untuk mengawal kecurian pasir. Yang ketiga, mengapa tanah swasta yang ada galian

pasir, permit pasir tidak diluluskan. Adakah satu langkah untuk membiarkan Kumpulan Semester monopoli perniagaan pasir ini. Saya di faham bahawa pasir, harga jualan pasir di semenanjung paling mahal sekali di Negeri Selangor. Sekian.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, pada peringkat awalnya, Kumpulan Semester hanya membuka empat kawasan lombong seluas 150 ekar. Daripada jumlah itu kita telah pun mengutip 22 juta. Tiga lagi kawasan lombong akan dibuka dan jumlah kawasan akan menjadi 253 ekar. Seterusnya bagi kawasan sungai, bagi daerah Hulu Langat, daerah Hulu Selangor tender telah pun dikeluarkan dalam masa yang terdekat penender-penender yang berjaya akan dapat untuk operasi kawasan Hulu Selangor. Pada minggu ini, lawatan tapak dan tender dikeluarkan bagi daerah Hulu Langat. Selepas Hulu Langat, kita akan pergi ke Gombak, Sepang dan Kuala Langat. Jadi kalau Kuala Kubu berminat untuk masuk tender di kawasan Gombak kita minta ikut lawatan tapak. Selepas kawasan sungai semua dikendalikan kita harapkan kecurian pasir di kawasan sungai dapat diatasi. Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri (MMKN) telah memutuskan supaya tanah-tanah individu mula dibenarkan untuk dioperasi pada bulan Ogos ini dan minggu depan lepas persidangan dewan saya akan memanggil operator-operator individu untuk yang berminat untuk terlibat dalam mengendalikan operasi pasir tanah-tanah individu. Harapan kita ialah sekurang-kurangnya 60 ke 70 % kawasan-kawasan yang terlibat dalam kecurian pasir akan dikendalikan oleh Kerajaan Negeri dan selebihnya pihak berkuasa Negeri Pejabat Daerah akan membuat operasi-operasi.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker Soalan No. 7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK: NEGERI SEJAHTERA

7. Kerajaan Negeri mengutarakan slogan Negeri Sejahtera sebagai matlamat untuk di nikmati oleh rakyat khususnya bagi rakyat Selangor. Sehubungan dengan itu, adalah di harapkan bandar-bandar baru hendak terancang dan memberi kemudahan kepada rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah peniaga – peniaga dibenarkan berniaga tanpa kebenaran semakin bertambah dengan tidak terkawal.
- b) Mengapa gerai-gerai dibiarkan didirikan bertaburan oleh peniaga sesuka hati sahaja.
- c) Terdapat kes pemberian lesen berniaga kepada pemohon baru sementara pemohon - pemohon lama di ketepikan. Mengapakah perkara ini berlaku?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, ekoran daripada kegawatan ekonomi semasa, berlaku kejutan terhadap sektor swasta tempatan di mana berlaku senario pemberhentian pekerja akibat kekurangan permintaan di pasaran global. Oleh sebab itu, para pekerja yang

menjadi mangsa kegawatan ekonomi kini terpaksa mencari mata pencarian lain. Salah satu cara terpantas dan paling mudah ialah dengan menjadi penjaja dan ini kelihatan seperti pertambahan peniaga tanpa kebenaran dan tidak terkawal. Saya ingin menegaskan di sini bahawa keadaan ini masih di bawah kawalan cuma akibat pertambahan peniaga yang mendadak ia kelihatan seperti tidak terkawal. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk membantu golongan ini dengan mengarahkan PBT mengeluarkan permit untuk penjaja-penjaja dengan syarat mereka berniaga di pasar tani, pasar malam dan tempat yang dibenarkan sahaja. Jika perniagaan yang bakal dijalankan tidak mempunyai sebarang risiko, permit boleh dikeluarkan dengan serta-merta. Kerajaan Negeri juga telah menetapkan kadar bayaran sepetak yang lebih rendah ianya hanya RM4 sahaja untuk menampung kos pembersihan. Bukan saja itu untuk meringankan penjaja-penjaja Kerajaan Tempatan hanya mengutip sewa itu apabila mereka berniaga misalnya ada hujan ataupun ada *family problem* sebagainya mereka tidak berniaga mereka perlu membayar sewa. Kerajaan Negeri sedar bahawa masih terdapat gerai-gerai tanpa kebenaran didirikan oleh peniaga di tempat-tempat yang tidak sesuai lokasinya walaupun sebelum ini PBT telah melaksanakan program penempatan semula gerai-gerai tanpa kebenaran di gerai-gerai yang didirikan oleh Kerajaan Negeri dan PBT. Kebanyakan gerai-gerai tersebut adalah merupakan gerai-gerai yang didirikan selepas berlakunya kegawatan ekonomi. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan Negeri akan meminta supaya semua PBT membuat bancian semula ke atas gerai-gerai yang wujud dan akan diminta mengisi gerai-gerai sedia ada PBT yang masih kosong. Manakala bagi gerai-gerai yang lokasinya sesuai untuk dibenarkan berniaga, PBT akan mengeluarkan permit sementara untuk berniaga sehingga terdapat gerai-gerai baru yang disediakan untuk menempatkan mereka. Dalam masa yang sama peniaga-peniaga tersebut hendaklah patuh kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh PBT supaya gerai mereka hendaklah dalam keadaan baik dan bersih. Kerajaan Negeri tidak mengamalkan pilih kasih dalam pemberian lesen berniaga kepada pemohon-pemohon yang layak. Isu mengapa pemberian lesen berniaga diberikan kepada pemohon baru sementara pemohon-pemohon lama diketepikan sepatutnya tidak berlaku di PBT sekiranya pemohon-pemohon lama tersebut adalah layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Semua PBT telah pun melaksanakan pengeluaran lesen serta merta bagi jenis-jenis perniagaan yang tidak berisiko tinggi sebanyak 57 lesen yang tidak berisiko mereka boleh dapat kelulusan dari hari yang sama apabila mereka membenarkan permohonan jadi adalah juga polisi Kerajaan Negeri bahawa warga asing tidak digalakkan dibenarkan memegang lesen. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya amat lega mendengar penjelasan oleh EXCO tetapi hari ini saya rasa simpati dengan YDP saya khasnya dan juga kakitangan penguatkuasaan di bawah PBT saya mereka bersungguh-sungguh untuk membanteras masalah peniaga-peniaga haram tetapi malangnya dasar yang tidak jelas oleh Kerajaan Negeri sendiri dan juga dasar yang tidak diperjelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada Ahli-Ahli Majlis mereka menyebabkan berlakunya *double standard* contohnya di kawasan saya apabila ada aduan mengatakan ada peniaga tidak mempunyai lesen kalau dilihat pada peniaga tersebut mereka terus boleh berniaga sedangkan...

TUAN SPEAKER: Soalnya....

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan saya. Beri saya peluang untuk bercakap sedikit lagi... ya... saya sedang membaca soalan saya...

TUAN SPEAKER: Kalau nak berucap saya berhentikan

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ok.. ada sikit bunga-bunga. Tuan Speaker ni sejak kebelakangan ini garang nampaknya.....Ok Speaker saya dengar cakap Speaker. Soalan saya kenapa terdapat Ahli-ahli Majlis tidak faham dengan dasar yang ada kerana saya melihat mereka kadang-kadang mengambil kesempatan mengepau peniaga-peniaga yang tidak mempunyai lesen bagi membolehkan mereka teruskan perniagaan mereka. Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kan baik terus kepada soalan...sila....

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker. Dasar Kerajaan adalah jelas iaitu bahawa semua kutipan bayaran sewa dan sebagainya hanya boleh dilaksanakan dijalankan oleh PBT, Pegawai-pegawai PBT masing-masing dan surat telah diberi kepada semua YDP supaya semua Ahli Majlis diberitahu. Hanya kekeliruan berlaku hanya kerana ada setengah Ahli Majlis dia salah faham atau pun dia mengikut cara Barisan Nasional yang dahulu. Misalnya pada masa yang lampau...

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker bantahan Tuan Speaker jangan babitkan yang lalu sekarang *you* ada kuasa *you* sebagai EXCO Ahli Majlis u punya u berhak bertindak bukan hendak salahkan orang lain kalau tak boleh ubah jangan jadi EXCO...

TUAN SPEAKER: Ok....tenang... dia belum habis cakap...

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Ok.. tenang... saya memberi penjelasan kerana YB tanya jadi saya kena beri penjelasanlah. Memang ada Ahli Majlis keliru kerana mereka mengikut cara yang lama. Cara yang lama itu misalnya mereka mengutip bayaran pendaftaran sebagai seorang penjaja itu kita tidak jalankan lagi tetapi mereka menggunakan cara yang lama sebab itu kecoh sikit. Tetapi walau bagaimanapun, EXCO telah membuat keputusan tidak boleh, kita tidak boleh lagi....

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker penjelasan-penjelasan....

TUAN SPEAKER: Nanti dulu dia hendak beri penjelasan

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Dia faham tak penjelasan saya...

TUAN SPEAKER: Nanti dulu...

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Jadi YB tanya saya kenapa masih ada Ahli Majlis nampaknya tidak faham maksud saya mereka salah faham kerana dipengaruhi oleh cara-cara lama itulah jawapan saya. Terima kasih Tuan Speaker.

YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Dah setahun masih cara lama masih dipengaruhi. Wow...kelemahan Kerajaan Negeri nampaknya tu...

TUAN SPEAKER: Seri Serdang ini bukan soalan tambahan...jangan sampai saya tegur...ia...kitakan dah lama saya harap jangan kacau begitu...baik Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker. Soalan No.8

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK: SENI DAN BUDAYA

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Apakah rancangan struktur atau '*blue-print*' untuk pembangunan seni dan budaya di negeri Selangor?
 - b) Berapakah jumlah peruntukan dan perbelanjaan kerajaan Negeri Selangor digunakan untuk aktiviti dan program seni dan budaya bagi tahun 2005-2008?
 - c) Apakah infrastruktur sokongan peringkat negeri dan daerah pembangunan atau perkembangan seni dan budaya di negeri Selangor?

YB PUAN RODZIAH BT. ISMAIL: Bagi menjawab soalan 1. Kerajaan Negeri Selangor kini telah mengambil pendekatan yang berbeza dengan mensasarkan gabungan kaum dan etnik serta menjadikan program-program kebudayaan, seni, karyawan ini sekali gus dapat menyelesaikan masalah yang wujud sama ada dari aspek kaum mahu pun sosial. Beberapa dasar dan program telah dirangka adalah seperti berikut. Secara dasarnya kita mensasarkan kepada 4 sasaran:-

1. Menggabung Jalin Kaum dan Etnik. Di mana program-program seperti Akademi Seni Mempertahankan Diri Warisan Negeri Selangor. Gabungan seni silat, wusu dan silambam ke dalam suatu persembahan integrasi yang unik serta menampilkan kebersamaan dan kesatuan kaum di Negeri Selangor.
2. Program di bawah Gabungan Jalinan Kaum dan Etnik kita juga sedang merangka Kampung Budaya di mana suatu 'perkampungan' yang memaparkan budaya semua kaum dan etnik. Pengisiannya adalah melalui mewujudkan tempat riadah dan makanan dengan sajian makanan tempatan dari setiap kaum dan etnik serta dilengkapi dengan penangguh yang lengkap berpakaian seragam budaya. Permainan rakyat dari pelbagai budaya akan dipertontonkan seperti gasing, takraw bulat dan sebagainya di sepanjang hari serta sudut-sudut puisi, sajak, pidato, teater atau tarian turut dipentaskan bagi tujuan tersebut. Proses untuk mengenal pasti tapak budaya ini sedang direncanakan.
3. Membina generasi muda dan mencegah masalah gejala sosial. Bermula dengan program yang telah dilaksanakan seperti:-
 - i. Melalui program-program berpuisi, bersajak dan berpidato akan dilaksanakan di Taman Tasik Shah Alam, Petaling Jaya dan Klang.
 - ii. Pembangunan persembahan teater dengan mencungkil bakat-bakat masyarakat dan generasi muda melalui program kebudayaan.
 - iii. Bengkel Penulis Muda yang bertujuan untuk membangun minat dari sudut penulisan dan daya pemikiran pemimpin.

Dasar ke 3 kita mendasarkan supaya Buku dan Tokoh Sejarah merupakan satu yang penting yang mana mengumpulkan fakta adalah perkara yang diutamakan dengan meletakkan fakta sebagai faktor keutamaan penulisan dengan mengabaikan pelibatan emosi dalam penulisan itu. Jadi dengan cara ini kebudayaan karyawan, seniman dan semua individu yang menerajui budaya dapat dibukukan serta perjuangan mereka sebagai ahli budaya akan dapat diwarisi serta diteruskan oleh generasi akan datang. Begitu juga program penganugerahan tokoh budayawan turut akan dibuat bagi mengiktiraf sumbangan yang telah diberikan. Dasar ke 4 adalah kita juga menggalakkan Festival Jalanan di mana program ini akan mempamerkan pertunjukan seni dan kebudayaan di jalanan seperti permainan rakyat, sudut puisi, sajak, pidato, nyanyian, tarian, teater pendek serta lukisan dan kraf tangan. Bagi soalan ke 2 Tuan Speaker. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 setahun kepada Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dalam usaha meningkatkan aktiviti pembangunan dan memperkembangkan seni budaya. Namun, pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah mewujudkan peruntukan pembangunan khusus sebanyak RM500,000.000 untuk membangunkan aktiviti seni supaya melalui program-program yang telah dirancang seperti di jawapan yang telah diberikan di atas.

Bagi tahun 2005 sehingga 2008, peruntukan disalurkan kepada badan bukan kerajaan (NGO) maknanya program-program yang lalu dibuatkan terus atau beri terus kepada NGO untuk melaksanakan aktiviti seni budaya mana yang lebih kepada budaya masyarakat setempat. Bagi soalan ke 3. di peringkat Kerajaan Negeri, beberapa kemudahan infrastruktur sokongan telah disediakan bagi membangunkan dan mengembangkan seni budaya Negeri Selangor. Antaranya seperti berikut:-

- i. Kompleks Belia Dan Kebudayaan Negeri Selangor - yang menempatkan sebuah dewan utama dan dataran karyawan mempelbagaikan aktiviti seni budayanya. Kompleks ini turut menempatkan Kumpulan Kesenian Negeri Selangor yang mengkhusus kepada seni persembahan.
- ii. Taman Tasik Shah Alam - sebagai platform karyawan, seniman dan budayawan mempersembahkan seni budaya melalui puisi, sajak, nyanyian, teater dan lain-lain yang berkonsepkan 'edutainment' @ hiburan yang berpendidikan.
- iii. Muzium Selangor – sebagai tempat pameran koleksi tinggalan asal usul sejarah dan budaya masyarakat Negeri Selangor.
- iv. Galeri Shah Alam – yang mempamerkan artifak-artifak serta barangan kesenian Negeri Selangor.
- v. Royal Teater Shah Alam – sebagai tempat penggiat teater mempersembahkan hasil seni teater untuk dipertontonkan kepada masyarakat di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, bangunan ini masih belum digunakan berikutan penyerahan sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri Selangor belum dilaksanakan. Selain itu beberapa infrastruktur itu juga wujud di beberapa daerah dan dengan ini saya merasakan bahawa beberapa program kebudayaan ini insya-Allah akan dipergiatkan dari masa ke semasa. Sekian Tuan Speaker.

YB TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan ok Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih pada Tuan Speaker dan juga Ahli EXCO kita dapati kebanyakan kompleks-kompleks dan juga prasarana yang ada disebutkan itu tertumpu di Shah Alam sahaja dan di daerah-daerah atau di PBT-PBT yang luar di Shah Alam memang amat kekurangan. Jadi apakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan pusat-pusat teater misalnya atau pusat di mana ada ruang untuk berbagai aktiviti seni dan budaya di daerah-daerah. Sekian, terima kasih.

YB PUAN RODZIAH ISMAIL: Terima kasih Kajang. Sebagaimana yang telah diperbincangkan di dalam Jawatankuasa Tetap Kebudayaan yang lepas, kita telah sebenarnya, Jawatankuasa sebenarnya telah pun meminta semua daerah mengenal pasti tempat-tempat infrastruktur yang sedia ada terlebih dahulu. Dan di antaranya yang kita dapati sebenarnya banyak tempat-tempat yang sekian lama ada wujud tetapi tidak digunakan ataupun dimanfaatkan sepenuhnya. Contohnya, kita ada arena gasing di Kuala Langat, kita ada beberapa lagi tapak dan satu program ataupun perkara-perkara infra yang baik di seluruh Negeri Selangor tetapi satu perkaranya tidak di war-warkan. Yang keduanya tidak digunakan sepenuhnya. Dengan atas itu, dalam mesyuarat yang lepas, kita ataupun Jawatankuasa telah memutuskan untuk pertamanya, kita mengguna pakai ataupun memaksimumkan penggunaan terlebih dahulu kepada semua infrastruktur yang sedia ada dan setiap daerah perlu menjadikan satu infrastruktur utama di kawasan masing-masing untuk ditonjolkan sebagai pusat seni budaya dan akhirnya barulah kita buat perancangan jika didapati daerah-daerah tersebut tidak ada baru kita buat satu perancangan untuk mengadakan satu pusat seni budaya. Ini adalah untuk tidak membazirkan infrastruktur sedia ada dan kita juga tidak mahu senang-senang kita membuat sesuatu pusat tetapi akhirnya semua tempat ini tidak digunakan semaksima yang mungkin. Sekian Speaker.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

YB TUAN LAU WENG SANG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku.

YB TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor tentang apakah pendirian Kerajaan Negeri di dalam memberi kebenaran kepada pertubuhan-pertubuhan ataupun pengamal seni budaya dari luar negara yang mempunyai ciri-ciri ketimuran untuk menggunakan infrastruktur yang sedia ada kerana saya difahamkan ada sebuah pertubuhan seni kebudayaan Tionghoa yang mempunyai sedikit hubung kait dengan panggung dan satu ketika dahulu mereka tidak pernah diberi kebenaran oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan persembahan di muzium seni budaya tetapi oleh kerana tekanan politik daripada Republik Rakyat Cina persembahan mereka terpaksa dibatalkan. Saya lihat kita mempunyai infrastruktur yang memang kelas dunia sama ada kita juga boleh memberi kebenaran kepada mereka sama ada kita tekad dengan keputusan daripada Kerajaan Persekutuan dalam hal ini. Ok, terima kasih.

YB PUAN RODZIAH ISMAIL: Terima kasih Kg. Tunku. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan itu, sebenarnya memang kita telah pun dapat beberapa permohonan daripada luar Negara untuk mementaskan ataupun mempersembahkan pertunjukan mereka walaupun kita tahu di antaranya sebagaimana yang Kg. Tunku cakap ada satu NGO yang ingin terlibat dan sebenarnya NGO tersebut telah pun dihalang ataupun disekat persembahannya di Malaysia. Jadi untuk itu, dasar yang kita ambil, pertamanya, kita memang terpaksa merujuk di bawah garis panduan yang ditetapkan tetapi jika kita dapati bahawa garis panduan itu sebenarnya tidaklah menjadi satu dasar ataupun satu Akta yang mesti dipatuhi terutamanya dalam akta

keselamatan dalam Negara sebenarnya kita mengalu-alukan mana-mana NGO ataupun persembahan daripada samad dalam negeri atau luar negeri untuk mempersembahkan persembahan mereka. Sebab kita juga ingin menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor juga mahukan bahawa Negeri Selangor ini dikenal pasti sebagai pusat penggiat seni dan budaya dan juga kita ingin menjadikan destinasi untuk semua sama ada daripada persembahan teater, persembahan filharmonik dan sebagainya menjurus dan datang ke negeri Selangor untuk membuat persembahan mereka dan kita mahukan konsep kebudayaan dan kesenian ini ditingkatkan bukan sahaja negeri Selangor tetapi dibawa ke peringkat antarabangsa. Sekian.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Alam Shah.

YB TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM: Tuan Speaker, soalan saya No. 9.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK: JAWATAN AHLI-AHLI MAJLIS – KERAJAAN TEMPATAN

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam membuat pemilihan bagi melantik Ahli-ahli Majlis di Negeri Selangor?
 - b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai kod etika kerja dan prosedur tindakan tatatertib ke atas Ahli-ahli Majlis yang melanggar garis panduan yang telah ditetapkan dan melakukan perkara-perkara yang melanggar tatakerja seseorang Ahli Majlis?
 - c) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan disiplin ke atas Ahli-ahli Majlis yang tidak menjalankan kerja pada tahap yang memuaskan?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Tuan Speaker, dalam pemilihan dan pelantikan Ahli Majlis, Kerajaan Negeri amat menekankan kriteria-kriteria berdasarkan kelayakan taraf pendidikan, sumbangan setiap Ahli Majlis kepada PBT serta penduduk setempat dan keaktifan seseorang Ahli Majlis di dalam masyarakat serta hendaklah bebas dari rekod jenayah, bersih dari Badan Pencegah Rasuah dan tidak bankrap berdasarkan peraturan yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan. Buat masa kini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai kod etika kerja dan bersedia tindakan tatatertib yang khususnya ke atas Ahli-ahli Majlis PBT. Kerajaan Negeri masih tertakluk dan mengguna pakai Akta Kerajaan Tempatan untuk dijadikan garis panduan terhadap Ahli-ahli Majlis yang melanggar tatakerja di PBT. Berdasarkan Seksyen 7 Akta 171, seorang Ahli Majlis yang disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan kepentingan wang secara langsung atau secara tidak langsung hendaklah dengan itu hilang kelayakan daripada menjadi Ahli Majlis dan seterusnya tidak berkebolehan untuk dilantik semula menjadi seorang Ahli Majlis bagi mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan. Di samping itu, semua Ahli Majlis yang dilantik hendaklah akur dan seiring dengan dasar serta polisi yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Untuk makluman, Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk mewujudkan kod etika kerja Ahli-ahli Majlis PBT seluruh Selangor. Mana-mana Ahli Majlis yang didapati melanggar kod etika tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas

mengenai Pihak Berkuasa Tempatan ataupun JPK PBT yang telah diwujudkan oleh kerajaan Negeri baru-baru ini. Melalui siasatan yang dilaksanakan, Jawatankuasa tersebut akan mencadangkan bentuk-bentuk hukuman atau tindakan yang sewajarnya diambil ke atas mana-mana Ahli Majlis yang didapati bersalah kepada Pihak Berkuasa Negeri. Juga untuk makluman Dewan yang mulia ini, Negeri Selangor merupakan yang merupakan satu-satu Kerajaan Tempatan yang mempunyai prestasi yang cemerlang mengikut 'Star Rating' yang baru-baru diadakan oleh KPKT. Antara 10 PBT yang mendapat 4 bintang, 4 daripada Negeri Selangor. Tahniyah saya ucapkan kepada MBPJ, MPSJ, MBSA dan juga MPK. Sekian, terima kasih.

YB PUAN LEE YING HA: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kota Damansara.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM: Ya, saya nak tanya kerana nak akur pada etika, andainya seorang Ahli Majlis mempertikaikan sesuatu yang tidak kena dalam Kerajaan Negeri adakah dianggapkan mereka ini melanggar etika yang ada?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri menggalakkan Ahli Majlis untuk mengutarakan pendapatnya kepada Kerajaan Negeri. Mereka ada banyak platform misalnya dalam mesyuarat, dalam mesyuarat PBT dan juga boleh berhubung secara terus dengan saya sendiri dan juga EXCO-EXCO yang lain jadi kita tidak menggalakkan mana-mana Ahli Majlis untuk mengutarakan pendapat yang tidak.. yang dinampak tidak seiring, selaras dengan polisi Kerajaan Negeri. Tidak digalakkan lah. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Soalan tambahan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih, Tuan Speaker. Jadi di sini saya ingin mengemukakan 2 (dua) soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: 1 (satu) sahaja bukan 2 (dua).

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Bolehlah, 1 (satu) jadi 2 (dua).

TUAN SPEAKER: Macam mana satu soalan boleh tambah dua soalan?

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: 2 (dua) kes satu soalan.

TUAN SPEAKER: Satu soalan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Tuan Speaker. Yang pertamanya saya nak bertanya tentang apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap satu aduan yang dibuat oleh seorang rakyat mengenai Ahli Majlis mereka yang bertindak beria-ia meminta Pihak Berkuasa Tempatan merobohkan satu bangunan kedai ataupun gerai di kawasan Taman Cheras Awana, tetapi akhirnya kawasan ini bila telah dikosongkan dibina pula gerai besi buruk. Dan dalam fahaman saya dalam aduan itu, kita dapati bahawa ada pihak-pihak tertentu, orang-orang Ahli Majlis sendiri, menerima sewa daripada gerai berkenaan. Jadi perkara ini telah dikemukakan kepada Dato' Menteri Besar sendiri termasuk kepada YDP MPKj dan satu salinan kepada saya. Saya

berharap perkara ini mendapat penjelasan. Dan yang kedua kesnya, apakah tindakan yang sama kepada Ahli Majlis bilamana berlaku di Bandar Sg Long, seorang Ahli Majlis MPKj membuat kenyataan akhbar dalam akhbar berbahasa cina mengatakan seolah-olah mereka mempunyai kuasa menghalang Penguat kuasa MPKj daripada turun membuat sebarang operasi di kawasan pasar pagi Bandar Sg. Long.

TUAN SPEAKER: Soalannya.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI: Jadi, saya memohon penjelasan. Itu soalnya tuan, apakah tindakan kepada kedua-dua kes yang saya sebutkan tadi? Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Terima kasih. Tuan Speaker, oleh kerana kes-kes yang baru sahaja diutarakan itu nampaknya sangat spesifik, saya, pada.. sampai hari ini belum menerima aduan sebegini, saya minta Yang Berhormat memberikan semuanya butir-butir ataupun '*detail*' kepada saya supaya tindakan yang sewajarnya, kalau didapati bersalah lah, supaya tindakan yang sewajarnya boleh diadakan. Saya mintalah, Yang Berhormat bekerjasama dengan saya. Kerana saya masih belum...

TUAN SPEAKER: Ya, ya.. Yang Berhormat..tak payah panjang-panjang, minta notis lah. Bererti Yang Berhormat minta notis lah, itu cukup. Tak payah jelas panjang-panjang kalau sebab kes spesifik. Lain kali kata minta notis cukup. Ya, Bukit Antarabangsa.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Tambahan, sila.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya nak rasa...nak rakamkan rasa kesal dengan jawapan yang diberikan oleh EXCO sebentar tadi. Kerana beliau menyebut sekiranya ada Ahli Majlis yang membuat pendirian tidak selari dengan Kerajaan Negeri maka ianya tidak digalakkan. Ini bukan soal digalakkan ataupun tidak. Ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan Negeri mestilah mendukung dasar Pakatan Rakyat. Bukan soal digalakkan atau tidak digalakkan. Kalau EXCO sendiri tidak tegas dalam perkara ini, sebab itu kita menyaksikan beberapa Ahli Majlis yang dilantik tidak mendukung dasar-dasar Kerajaan Negeri. Dan tindakan tidak diambil. Yang kedua, Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER: Itu bukan soalan tu. Itu pandangan. Soalan...saya minta soalan.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tadi pandangan. (Ketawa) Yang hendak saya rakamkan..sekarang baru soalan.

(Ketawa)

TUAN SPEAKER: Baik soalan terus ya.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Sebab itu dicatatkan dalam '*hansard*' Dewan Undangan Negeri dan saya rasa saya bertanggungjawab untuk menegur EXCO..

TUAN SPEAKER: Saya minta soalan. Saya tak bantah, saya minta soalan terus.

YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Yang kedua, Tuan Speaker, ini soal pendirian dan dasar Kerajaan Negeri dalam pelantikan Ahli-ahli Majlis yang sekarang agak riuh di bawah.

Mengapa? EXCO Kerajaan Negeri menghantar senarai penyambungan semula Ahli-ahli Majlis secara berperingkat-peringkat. Sebagai contoh, di Majlis Perbandaran Ampang Jaya, yang dikeluarkan surat pelantikan semula 18 orang, di mana 6 (enam) yang lain? Mengapa perkara ini tidak diselaraskan dan tidak di muafakat sebelum perkara ini diputuskan? Ini menimbulkan banyak masalah di bawah, seolah-olah tidak ada permuafakatan dalam Pakatan Rakyat. Dan saya tidak mahu berselindung perkara ini. Ianya mesti ditegaskan dan dijawab. Saya sebagai wakil rakyat, saya bertanggungjawab kepada pengundi saya dalam perkara ini, terima kasih Tuan Speaker.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, apabila saya dipertanggungjawabkan untuk membuat pengumuman pada hari yang..hari '*Monday*' yang lalu, barulah saya mendapati masih ada butir-butir yang sepatutnya diadakan tetapi tidak lengkap lagi. Oleh kerana itu, saya tidak dapat mengumumkan nama-nama itu sebelum saya mendapatkan semua butir itu. Ini memang saya mengakui satu kesilapan tetapi kesilapan ini bukan yang sengaja. Ini adalah kerana masih ada Ahli-ahli Majlis yang baru dilantik itu apabila diminta memberi alamat yang penuh, kita mendapati alamat itu tidak penuh. Jadi, kerana kita, kita meminta alamat yang penuh kerana kita mahu memastikan bahawa Ahli Majlis itu adalah merupakan Ahli Majlis yang datang dari kawasan itu. Sebab ini banyak kekeliruan kerana poskod dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan tambahan Speaker, saya nak bertanya dengan EXCO, sama ada dia peka ataupun tidak ataupun pekak, seorang Ahli Majlis saya..

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker..

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Masalah moral..

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker saya tidak bersetuju dengan pandangan daripada Batang Kali, dia sebut pekak...mana boleh guna perkataan dalam dewan macam tu..

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Oh..kurang dengar ya..

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Kalau nak tanya, tanyalah betul-betul...

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ok..soalan saya...

TUAN SPEAKER: Saya minta tarik balik..

Tarik balik...tarik balik..

TUAN SPEAKER: Tarik balik lah ...

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya tarik balik perkataan pekak tu...tidak peka...agaknya.. seorang ahli saya dibuat aduan kepada polis, kerana masalah moral..cuba merogol Pembantu Khas. Apakah tindakan, bukan hanya bertelanjang, tapi cuba merogol.

Bertelanjang mungkin ok kot... cuba merogol dan laporan polis telah dibuat, apakah tindakan yang dibuat oleh pihak EXCO. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya rasa ini soalan ini ada sangkaan jahat. Saya tak benarkan.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

YB TUAN MOHD ISA BIN ABU KASIM: Apa jahatnya...

TUAN SPEAKER: Saya dah perintahkan, saya dah kata, ini ada sangkaan jahat, nak cabar????

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker. Soalan no. 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: ALAM FLORA DAN PEMBERSIHAN KAWASAN PBT

10. Perjanjian bagi pengurusan dan pengawasan kontraktor-kontraktor di bawah Alam Flora adalah seperti satu konsesi. Sebagaimana konsesi pengurusan air kepada syarikat-syarikat swasta, ianya tidak menguntungkan rakyat dan Kerajaan Negeri. Selaras langkah Kerajaan untuk mengurus sendiri pemprosesan dan pembekalan air di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh Kerajaan untuk menyerahkan setiap PBT mengurus sendiri kerja-kerja pembersihan kawasan dan pelupusan sisa pepejal?
- b) Apakah halangan atau sekatan di segi undang-undang dan peraturan Kerajaan Pusat yang menghalang Kerajaan Negeri menamatkan konsesi pembersihan kawasan dan pelupusan sisa pepejal kepada Alam Flora dan menyerahkan terus di bawah pengurusan PBT?
- c) Jika tiada sebarang halangan undang-undang, apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menamatkan konsesi pembersihan kawasan dan pelupusan sisa pepejal kepada Alam Flora dan menyerahkan terus di bawah pengurusan PBT?

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Kelang. Apa yang ditanyakan oleh Hulu Kelang, Tuan Speaker ialah tentang rancangan pengambilalihan, tentang pengurusan sistem pepejal, oleh PBT-PBT yakni oleh Kerajaan Negeri sama ada yang ke dua ada halangan-halangan tidak pengambilalihan itu dan yang ketiga kalau tiada halangan apakah tataranya untuk mengambil alih. Apa yang disebut sebagai pembersihan, pengurusan sistem pepejal di peringkat PBT-PBT. Terutama sekali Hulu Kelang ya, soal pengurusan sistem pepejal ini adalah soal yang sangat besar. Dia bukan perkara-perkara kecil yang melibatkan satu-satu PBT, tetapi melibatkan keseluruhan 12-12 PBT yang ada di negeri Selangor ini. Jadi kalau dia perkara besar, sebagai contohnya saya

menyatakan ia perkara besar, sebahagian daripada PBT, 30 ke 40% daripada perbelanjaan tahunan mereka, adalah dibelanjakan untuk pengurusan sistem pepejal. Kalau begitulah ceritanya, Tuan Speaker, maka sebab itu apa juga rancangan yang nak disalurkan, yang nak dibuat, mestilah mengambil kira beberapa faktor utama. Di antara faktor utama itu ialah tentang selari atau tidak selari, dengan rancangan pembangunan negeri Selangor ini. Dari segi falsafahnya, dari segi matlamatnya, dari segi objektifnya, dan hujungnya sekali sama ada ia benar-benar memberikan kebaikan kepada negeri sesuai dengan falsafah kita.. merakyatkan ekonomi negeri Selangor. No. 2 Tuan Speaker, kita jugak perlu bertanyakan dua persoalan yang besar, iaitu persoalan *efficiency* , kecekapan, yang kedua persoalan *effectiveness* atau keberkesanan. Sama ada kalau kita ambil alih tu, lebih efisien atau tidak. Lebih berkesan atau tidak. Kalau jawapannya kedua-duanya tidak menyebelahkan kepada efisien , lebih efficient dan lebih berkesan, saya rasa rancangan pengambilalihan itu mungkin menjadi sia-sia saja, apa lagi keberkesanan dan kecekapannya jika dinilai daripada kesan *the nett result, the nett impact* nya kepada rakyat di negeri Selangor ini. Yang ketiga, Tuan Speaker ialah tentang keupayaan PBT-PBT. PBT-PBT ini berbagai-bagainya, ada 12 PBT, sebagaimana yang kita tahu pada tahun 1998, bila pengambilalihan itu dibuat oleh Alam Flora, satu PBT itu, iaitu Hulu Selangor tak termasuk dalam senarai pengambilalihan itu. Maka sebab itu, kita kena memikirkan PBT-PBT seperti Sabak Bernam misalnya, minta maaf saya sebutkan hari ni. Saya nak minta maaf kepada YDP-YDP kepada Sekinchan, misalnya Kuala Selangor, misalnya Hulu Selangor. PBT-PBT ni rasanya tak mampu, untuk menjalankan kerja-kerja sendiri bagi mengendalikan soal –soal sisa pepejal ini . Tetapi bagi PBT-PBT seperti MBSA, saya tengok, dia punya Datuk Bandar pun ada di sini, seperti MBPJ, seperti MPSJ, mungkin mereka mampu menjalankannya. Sebab itu kita tak mahu ada dua standard dekat Selangor ini. Satu standard yang mampu, satu standard yang tidak mampu. Saya rasa Menteri Besar pun tidak bersetuju, kalau ada yang miskin, ada yang kaya di dalam pengendalian urusan sistem pepejal ini. Jadi yang miskin itu, selamanya lah rakyat yang tinggal di kawasan bandar atau kawasan lingkungan ... PBT itu akan menikmati perkhidmatan yang substandard, sementara PBT-PBT yang memang, dalam *bracket* nya, dalam *invited* komanya kaya, dapat menikmati persembahan atau perkhidmatan yang baik. Yang akhirnya saya nak menyebutkan soal keperluan. Keperluan kita macam mana, adakah betul-betul timbul keperluan. Saya bukan menentang. Saya tidak menentang pengambilalihan ini. Tetapi saya memerlukan satu kajian yang menyeluruh betul-betul. Daripada ke 12-12 PBT ini, dan kita perlu mengadakan, insya-Allah perbincangan-perbincangan lanjut yang melibatkan perbincangan-perbincangan awam untuk kita menentukan, sebab apa yang kita hendak ambil ini, mesti ada kesan jangka pendeknya, mesti ada kesan jangka pertengahannya, dan akhirnya mesti ada kesan jangka panjangnya. Tuan Speaker , soalan kedua yang saya hendak menjawabnya ialah tentang bila kerajaan persekutuan meluluskan Akta 672, Akta pengurusan sistem pepejal dan pembersihan awam, yang telah diwartakan pada 30 hari bulan Ogos 2007, maknanya kerajaan persekutuan melalui akta tersebut, mempunyai kuasa eksekutif..kuasa eksekutif untuk mengurus sisa pepejal bagi negeri-negeri termasuklah Labuan dan Putrajaya . Maka sebab itu, saya fikir ada terdapat sedikit halangan-halangan, maka sebab itu saya nak mencadangkan.. Insya-Allah, kemungkinan dalam EXCO ,dalam Kerajaan Negeri nak mencadangkan supaya kita dapat mengorak langkah dan melihat seluruhnya secara *overview* dan secara *details* tentang pelan pelaksanaan untuk mengambil alih program pembersihan sisa pepejal ini, pembuangan sisa pepejal ini supaya dapat dijalankan sesuai dengan kehendak, matlamat dan falsafah perjuangan ekonomi, perjuangan masyarakat, perjuangan sosial, yang dibawa kerajaan oleh Pakatan Rakyat. Akhirnya, bagi saya, saya inginlah, kalau dapat teman-teman di PBT, saudara-saudara, dan juga teman-teman dalam adun, di adun ini, agar mendapat kita mendapatkan satu penjelasan yang jelas, paling jelas , di peringkat Alam Flora. Kalau dapat kita pergi ke Alam Flora. Melihat bagaimana sistem pengurusan mereka, macam mana sistem mereka mengendalikan tugas-tugas mereka, dan pada masa yang sama, kerajaan persekutuan telah

pun memberikan sedikit taklimat kepada kita . Itu pun taklimat di peringkat *overview* sahaja. Belum taklimat di peringkat *details* yang menyebabkan di peringkat ini agaknya *pre-mutual* untuk saya menjawab secara definitif sama ada ya kita mengambil alih ataupun tidak mengambil alih. Saya lebih suka kalau dia diberikan, disebutkan dalam *open ended* seperti itu, supaya kajian yang lebih menyeluruh dapat dibuat, saya tak mahu sama sekali, negeri akhirnya rugi, rakyat akhirnya rugi, PBT akhirnya rugi dalam pelaksanaan sistem yang di rancangkan itu. Terima kasih.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan Tuan Speaker

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan Tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Apakah jangka masa yang telah ditetapkan untuk kajian untuk membuat penilaian tersebut.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Dalam EXCO telah dibincangkan beberapa kali secara tidak *detail* begitu. YAB Menteri Besar selalu menyebutkan ia..perkara ini perkara besar, terutama pelupusan sistem pepejal dan kita sekarang sedang menilai teknologi-teknologi, sama ada teknologi daripada barat, teknologi daripada China dan sebagainya tentang pengurusan sistem pepejal supaya apa pun penyelesaiannya, sama ada kita nak buat penyelesaian ikut cara Singapura, penyelesaian cara Holland, penyelesaian cara Germany, penyelesaian cara China dan sebagainya, ini perlu lah difikirkan semasak-masaknya. Tetapi walau apa pun, dewan ini sesungguhnya akan diberitahu, bila masanya tiba kelak, bila kita sudah ada *defenitive* pelan, *which defenitive answer*, kita akan beritahu dewan ini dan kita akan bukakan kepada Yang Berhormat –Yang Berhormat untuk memberikan teguran kalau sesuatu yang *defenitive* sudah diletakan di dewan. Terima kasih.

YB PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang

YB PUAN GAN PEI NEI: Apakah sistem yang akan diadakan oleh kerajaan bagi memastikan ketelusan dalam pelantikan kontraktor dan seterusnya memastikan dalam sistem, satu sistem pemantauan bagi memastikan keefisienan kontraktor yang telah dilantik itu sama ada menjalankan tugasnya dengan baik.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih Rawang. Saya merasakan sistem pelantikan kontraktor-kontraktor di bawah Alam Flora, sudah berjalan dan menepati piawaian integriti keamanahan. Dan sebab itu kita dapati sehingga sekarang, sistemnya berjalan dengan baik, walau pun memang terdapat ruang-ruang untuk diperbaiki *rooms for improvement*. Tetapi pada keseluruhannya dibandingkan dengan negeri-negeri lain, negeri Selangor masih lagi di atas dari sudut *efficiency* dan *effectiveness* dalam pengendalian sistem memilih untuk kontraktor-kontraktor tersebut. Saya ingin menyebutkan di sini ya, kontraktor-kontraktor ini memang adalah tanggungjawab Alam Flora, dan saya juga ingin menyebutkan kerajaan negeri dalam keputusan EXCO telah menyebutkan supaya kita memberi ruang dan peluang, di samping kontraktor-kontraktor lama, kontraktor-kontraktor baru pun dibukakan pintu dan tingkap yang seluas-luasnya kepada mereka. Untuk mereka dapat menyertai projek-projek yang terdapat dalam PBT-PBT sama ada pembersihan atau kutipan, dan akhirnya nanti bersama dengan Worldwide, agaknya Worldwide sudah mengusahakan, Tuan Speaker tentang

pelupusan sampah ini, Worldwide telah menunjukkan satu sikap, dan Worldwide telah menunjukkan satu kebolehan menjalankan kerja dalam pelupusan sampah, bila mereka diminta mengurus sanitary dan di Jeram dan Tanjung 12. Dalam hal ini, bersama-sama dengan Alam Flora dan bersama dengan kontraktor-kontraktor Alam Flora, dan bersama teman-teman dalam The Worldwide, saya memikirkan rasa-rasanya tentang kontraktor-kontraktor yang dilantik setakat ini, saya rasa kontrak itu berwibawa. Memang ada..kontraktor-kontraktor yang saya fikir masih lagi belum mencapai standard yang kita kehendaki dan kita sedang memantau mereka . Dalam pemantauan itu, kita akan ambil langkah-langkah yang pasti untuk menentukan kontraktor-kontraktor ini sama ada diberhentikan, sama ada tidak dibaharui *agreement* dengan mereka , itu kita akan berunding bersama-sama dengan Alam Flora. Tapi apa pun , kerajaan negeri sentiasa menentukan, bahawa kontraktor-kontraktor ini terus berwibawa dan mampu menunjukkan daya tahan dan daya juang dalam mengendalikan program-program ataupun projek-projek ini sesuai dengan kehendak rakyat yang semakin menghendakkan Kerajaan Negeri melalui PBT-PBT menghasilkan satu sistem penyampaian (*delivery system*) , yang terbaik di Malaysia. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Balakong.

YB TUAN YAP LUM CHIN: Tuan Speaker soalan 11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK: KILANG-KILANG HARAM DI KAWASAN BALAKONG

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Bagaimanakah keadaan kerja-kerja "Projek Pemutihan" kilang-kilang haram di kawasan Balakong?
 - b) Dalam masa setahun ini, berapakah jumlah kilang haram yang telah berjaya dalam Projek Pemutihan ini?
 - c) Adakah Industrial Park Management Committee(IPMC) yang telah ditubuhkan masih aktif dan apakah peranan yang dimainkan oleh IPMC ini ?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH: Projek pemutihan kilang tanpa kebenaran tidak dilaksanakan oleh pihak MPKj. Kerana tempoh program pemutihan dilanjutkan sehingga Jun 2010. Sehingga Jun 2009, sebanyak 130 kilang tanpa kebenaran di kawasan DUN Balakong, telah mengemukakan permohonan kebenaran merancang dan diluluskan oleh MPKj. Selain itu, MPKj telah mewujudkan *industrial park management committee* (IPMC) iaitu IPMC Balakong, IPMC Bangi dan IPMC Beranang di mana mesyuarat telah diadakan bersama dengan wakil-wakil industri bagi membincangkan masalah infrastruktur yang dihadapi oleh pekilang-pekilang. Sekian.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Tuan Speaker , soalan no.12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' SUBAHAN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PELABURAN ASING (MENGENALPASTI JUMLAH PELABURAN ASING DI NEGERI SELANGOR)

12. Memandangkan negeri Selangor adalah sebuah negeri maju, banyak pelabur-pelabur asing dikenal pasti berminat membuat pelaburan di negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah pelaburan asing yang dibuat oleh pelabur-pelabur asing setakat ini dan apakah pecahan pelaburan asing mengikut Negara di negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan-pelaburan asing ini.
- c) Bagaimanakah strategi dan peranan Kerajaan Negeri bagi memastikan rakyat negeri Selangor dapat menikmati manfaat terus daripada pelaburan asing ini, dari segi peluang ekonomi dan pekerjaan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, bagi tempoh Januari ke Mac tahun ini, sebanyak 73 projek perkilangan telah diluluskan oleh MAIDA di negeri Selangor dengan nilai pelaburan sebanyak 1.2 bilion ringgit . Daripada jumlah ini sebanyak 599juta ringgit adalah daripada pelabur tempatan dan 310 juta daripada pelaburan asing. Sebanyak 4300 dan 10 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Pecahan kelulusan projek-projek perkilangan di Selangor mengikut penyertaan pelaburan asing bagi tempoh Januari hingga Mac 2009 adalah seperti berikut :

1. Negeri Jepun : ia melabur 6 projek . peluang pekerjaan yang dicipta adalah 316 pekerjaan dan jumlah modal pelaburan adalah 50juta ringgit.
2. Sweden : 1 projek . peluang pekerjaan yang dicipta adalah 175 dan jumlah modal pelaburan adalah 43.2juta ringgit.
3. Singapura : projek yang dilaburkan adalah 2 dan peluang pekerjaan adalah 175 dan jumlah pelaburan adalah 43.2 juta ringgit. Pembelian nombor tiga adalah Singapura projek yang dilaburkan adalah 2 dan peluang pekerjaan yang dicipta 217 dan jumlah pelaburan adalah 40. 3 juta ringgit. Ini diikuti oleh Taiwan yang projek yang dilaburkan adalah 3 peluang pekerjaan adalah 112 pekerjaan dan jumlah pelaburan adalah 24.27 juta ringgit. Diikuti oleh India yang projek yang dilaburkan adalah 3 yang peluang pekerjaan adalah 111 pekerjaan dan modal pelaburan adalah 19.5 juta ringgit. Selepas India adalah Iran projek yang dilaburkan adalah 1 dan peluang pekerjaan yang dicipta adalah 30, jumlah pelaburan adalah 15 juta ringgit. Lepas Iran adalah China, projek yang dilaburkan adalah 3, peluang pekerjaan yang dicipta adalah 118 dan jumlah modal pelaburan adalah sebanyak 10.47 juta ringgit. Dan saya ada satu senarai panjang lagi saya rasa Yang Berhormat perlu saya boleh berikan secara

bertulis kepada Yang Berhormat. Jadi antara langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan negeri untuk meningkatkan pelaburan asing di Selangor adalah seperti berikut :

- i) Nombor satu memastikan iklim pelaburan yang kondusif melalui pelaksanaan dasar pelaburan yang pragmatik dan telus untuk memberi keyakinan kepada pelabur asing.
- ii) Nombor 2 adalah menaik taraf infrastruktur dan kawasan-kawasan industri serta menyediakan kawasan perindustrian yang selesa seperti Selangor *Science Park*. Selain itu kita juga mempercepatkan proses kelulusan permohonan seperti Permohonan Sijil Layak menduduki. Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan dan lain-lain kelulusan yang diperlukan oleh pihak industri/pelabur menerusi *One Stop Centre* (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT.
- iii) Kita juga telah menubuhkan *Industrial Park Management Committee* (IPMC) banyak kawasan yang di bawah kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu kita juga akan menambah baikkan fungsi SSIC bagi memantapkan keupayaan dalam memberi perkhidmatan dan kita juga adalah telah pun memantau, banyak memantau projek-projek yang sedang dilaksanakan.

Tuan Speaker,

Mengenai strategi dan peranan Kerajaan Negeri yang telah diambil bagi memastikan rakyat tempatan mendapat manfaat terus daripada pelaburan asing adalah seperti berikut :

Nombor satu ialah peluang ekonomi yang kita menyediakan maklumat penyedia-penyedia perkhidmatan untuk rujukan para pelabur bagi mendapatkan khidmat profesional yang beroperasi di negeri Selangor.

Kita juga telah menganjurkan program-program *networking* antara para pelabur yang beroperasi di Negeri Selangor bertujuan bagi menyediakan ruang untuk pelabur tempatan serta pelabur asing menjalin hubungan kerjasama perniagaan antara satu sama lain.

Tentang peluang pekerjaan, kita juga telah mengadakan sesi pertemuan antara institusi-institusi pengajian tinggi serta institusi latihan di negeri Selangor dengan syarikat multinasional bagi mewujudkan jaringan di antara pihak industri dan pihak pengajian tinggi serta latihan supaya program yang ditawarkan menepati kehendak industri dan membolehkan pihak industri dapat berhubung secara terus bagi mendapatkan tenaga kerja yang bersesuaian.

Dalam syarat-syarat lesen pengilang yang dikeluarkan oleh MIDA, pihak syarikat perlu melatih rakyat Malaysia supaya pemindahan teknologi dan kepakaran dapat disalurkan ke semua peringkat jawatan. Bagaimanapun, pihak syarikat dibenarkan mengambil khidmat pegawai dagang (*expatriate post*) dari luar Negara, di mana Malaysia tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan tetapi perkhidmatan adalah di dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam masa yang sama, pihak syarikat perlu melatih pekerja tempatan bagi mengambil alih jawatan pegawai-pegawai dagang berkenaan setelah tempoh perkhidmatannya tamat dan secara tidak langsung satu bentuk transaksi teknologi akan berlaku.

Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja memutuskan untuk membekukan pengambilan pekerja asing dalam beberapa sektor terutama sub sektor perkilangan dan perkhidmatan. Keputusan

ini diambil bagi menangani kesan masalah kegawatan ekonomi ketika ini serta memaksimumkan pengambilan pekerja tempatan. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan satu empat petang bagi meneruskan kelulusan Dewan saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, saya mohon izin untuk membawakan; pertama usul menurut Peraturan 11. Kedua, supaya mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sehingga 9 Julai 2009, hari Khamis bagi memberi persediaan kepada Majlis Santapan Sempena Sambutan 50 tahun Dewan Negeri yang diadakan di Grand Ballroom Hotel Concorde, Shah Alam.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan usul tersebut saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin yang telah menerima jemputan untuk hadir pada malam ini pada waktu yang telah ditetapkan. Dewan ditangguhkan sehingga ke esok 9 hari bulan Julai 2009 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah)